PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KETIGA 2006

TINJAUAN KESELURUHAN

Momentum pertumbuhan berterusan

Ekonomi Malaysia terus mencapai pertumbuhan yang stabil. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) meningkat 5.8% pada suku ketiga (S2: 6.2%). Sektor swasta terus menjadi pemacu aktiviti ekonomi manakala sektor perkhidmatan, perkilangan dan pertanian merupakan penyumbang utama pertumbuhan pada suku itu. Sumbangan sektor luar kepada pertumbuhan juga lebih kukuh.

Pertumbuhan KDNK Kukuh pada S3 2006



Sektor perkhidmatan berkembang dengan kukuh pada kadar 6.5% pada suku ketiga. Peningkatan ini didorong aktiviti penggunaan, pelancongan, dan kewangan serta aktiviti berkaitan perdagangan. Aktiviti ini menyokong pertumbuhan yang lebih kukuh bagi subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; dan utiliti serta mengekalkan pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran. Pertumbuhan nilai ditambah sektor perkilangan meningkat 7.1% (S2: 8.4%), mencerminkan peningkatan dalam industri berorientasikan eksport dan dalam negeri. Industri berorientasikan eksport disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam beberapa industri berasaskan sumber. Sementara itu, industri elektronik dan elektrik (E&E) mencatat pertumbuhan sebanyak 5.4% pada suku itu (S2: 8.3%), disokong pertumbuhan separa konduktor yang berterusan dan pertumbuhan yang lebih sederhana bagi komputer dan perisian komputer. Pertumbuhan yang kukuh dalam industri keluaran logam direka dan keluaran berkaitan makanan, dan pemulihan dalam industri barangan berkaitan pembinaan menyumbang kepada pertumbuhan dua angka dalam industri berorientasikan dalam negeri.

Pertumbuhan sektor pertanian lebih kukuh (6.2%). Pertumbuhan tersebut didorong pelbagai jenis aktiviti, termasuk minyak sawit, getah, padi, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Pengeluaran dalam sektor perlombongan pula merosot 1.2% (S2: -1.2%), yang keseluruhannya disebabkan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah. Kemerosotan dalam sektor pembinaan adalah kecil (-0.4%), mencerminkan penguncupan aktiviti kejuruteraan awam yang lebih perlahan dan minat baru terhadap segmen bukan kediaman. Pada masa yang sama, aktiviti segmen kediaman disokong permintaan di lokasi utama.

Pertumbuhan perbelanjaan penggunaan adalah mampan pada 7.1% manakala aktiviti pelaburan swasta dan peningkatan

perbelanjaan pembangunan awam menyokong pertumbuhan pembentukan modal tetap kasar sebanyak 3.5%. Prospek ekonomi yang positif dan penggunaan kapasiti sektor perkilangan yang lebih tinggi adalah antara faktor yang menyebabkan peningkatan aktiviti pelaburan. Pada masa yang sama, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan meningkat. Sebahagian besar daripada peningkatan perbelanjaan itu disalurkan kepada sektor pertanian dan pembangunan luar bandar, pendidikan dan kemudahan awam.

Perbelanjaan penggunaan swasta meningkat 6.8%, disokong keadaan pasaran pekerja yang stabil, perolehan eksport yang lebih teguh dan harga komoditi yang mantap. Penggunaan awam mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 8.3% disebabkan perbelanjaan yang lebih tinggi atas emolumen, bekalan dan perkhidmatan serta pertahanan pada suku itu. Dengan jumlah perbelanjaan lebih tinggi, kedudukan fiskal keseluruhan bertukar menjadi defisit sebanyak 4.1% daripada KDNK pada suku itu (S2: +4.8% daripada KDNK).

Bagi suku ketiga tahun 2006, inflasi seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) menurun kepada 3.6% (S2: 4.1%). Penyederhanaan itu disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah bagi barangan dalam kategori pengangkutan berikutan luputnya kesan kenaikan harga runcit petrol dan diesel pada bulan Ogos 2005. Bagi sembilan bulan pertama tahun 2006, kadar inflasi purata ialah 3.8% (2.9% pada tempoh yang sama tahun 2005). Trend ini berlanjutan pada suku keempat dengan inflasi terus sederhana kepada 3.1% pada bulan Oktober. Keadaan pasaran pekerja terus stabil. Pewujudan peluang pekerjaan terus tinggi dan pemberhentian pekerja menurun dengan ketara. Produktiviti pekerja dalam sektor perkilangan juga pulih untuk mencatat pertumbuhan yang positif (0.7%).

Dalam sektor luar negeri, lebihan dagangan berjumlah RM28.9 bilion (S2: RM22.9 bilion) berikutan pertumbuhan eksport kasar (13.6%) yang lebih tinggi berbanding dengan import kasar (11.5%). Pertumbuhan eksport kasar didorong terutamanya oleh peningkatan eksport perkilangan (14.2%) dan eksport pertanian (20.4%). Peningkatan eksport perkilangan mencerminkan eksport keluaran E&E dan keluaran berasaskan sumber yang bertambah. Eksport keluaran E&E meningkat dengan kukuh sebanyak 10.3% (S2: 5.6%). Peningkatan eksport pertanian mencerminkan peningkatan ketara eksport minyak sawit (24.5%) dan getah (53%). Pengukuhan eksport getah disebabkan sebahagian besarnya oleh harga yang lebih tinggi manakala prestasi eksport minyak sawit yang teguh disebabkan jumlah (11.4%) dan juga harga (11.7%) yang lebih tinggi. Perolehan eksport mineral meningkat 1.3%, disebabkan jumlah eksport minyak mentah yang lebih rendah. Harga eksport minyak mentah kekal tinggi, berpurata USD72.18 setong pada suku ketiga, sementara harga eksport gas asli cecair meningkat kepada purata RM1,114 setan.

Import kasar kekal kukuh, mencerminkan peningkatan berterusan input yang diimport untuk eksport perkilangan, dan perbelanjaan pengguna dalam negeri. Pertumbuhan import barangan pengantara (12.4%) dan barangan pengguna (15.3%) adalah lebih tinggi berbanding dengan suku sebelumnya. Import barangan modal berjumlah RM15.9 bilion. Import barangan modal tertentu terus mencatat pertumbuhan, apabila penambahan kapasiti dan peningkatan kapasiti untuk tujuan penggunaan bahan api yang efisien dalam sektor perkilangan dipercepat. Pertumbuhan ini jelas kelihatan dalam industri petrokimia, dengan pertumbuhan import mencerminkan peningkatan import jentera, penjana, turbin dan motor elektrik. Peningkatan aktiviti penerokaan dalam industri minyak dan gas mendorong import kelengkapan pembinaan dan perlombongan yang lebih tinggi.

Dalam akaun kewangan, pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) yang dipantau melalui sistem Imbangan Pembayaran Tunai Bank Negara Malaysia mencatat aliran masuk bersih yang lebih besar sebanyak RM5.4 bilion. Aliran masuk

FDI ini bersifat menyeluruh dan disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan, minyak dan gas, dan perkhidmatan. Data FDI ini hanya mengambil kira aliran kewangan baru dan data ini tidak termasuk perolehan tertahan yang telah dilaburkan semula di Malaysia. Data ini juga tidak termasuk pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport. Pada suku ketiga, terdapat aliran keluar bersih pelaburan portfolio berjumlah RM3.1 bilion. Bagi pelaburan luar negeri, terdapat aliran keluar bersih sebanyak RM2 bilion.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM293.1 bilion (USD79.5 bilion) pada 29 September 2006. Pada 15 November 2006, rizab berjumlah RM294.1 bilion (USD79.8 bilion), memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan bersamaan dengan 6.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal tidak berubah pada 3.50% sepanjang suku ketiga, berikutan penyederhanaan inflasi dan data yang sedia ada menunjukkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang mampan.

Kadar disebut purata bagi deposit tetap bank perdagangan secara relatif kekal stabil pada suku ketiga. Pada akhir suku itu, kadar deposit tetap purata berada dalam julat antara 3.13% hingga 3.77%, masing-masing bagi deposit tetap untuk tempoh matang 1 bulan dan 12 bulan (S2: 3.11% hingga 3.77%). Yang penting, kadar deposit tetap purata benar bagi tempoh matang 6 bulan, 9 bulan dan 12 bulan adalah positif sejak bulan Ogos berikutan inflasi yang sederhana. Sementara itu, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan terus tidak berubah pada 6.72%, manakala kadar pinjaman purata (ALR) memuncak pada kadar 6.63% pada bulan Julai (akhir S2: 6.55%) dan kekal stabil pada tahap tersebut pada dua bulan berikutnya. Kadar antara bank semalaman purata berada hampir pada OPR pada sebahagian besar suku ketiga, kecuali untuk tempoh yang singkat pada awal bulan September, apabila beberapa peserta pasaran wang memperoleh dana sebagai persediaan untuk melanggan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), yang menyebabkan kadar itu meningkat lebih tinggi sedikit.

Pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan sebanyak 7.9% pada akhir suku ketiga (akhir S2: 9.1%). Pinjaman sistem perbankan terkumpul meningkat pada kadar tahunan sebanyak 7.5%. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah meningkat masing-masing sebanyak 3.3% dan 11.4% (akhir S2: masing-masing sebanyak 4.2% dan 13.3%).

Dana kasar yang diperoleh daripada pasaran PDS berjumlah RM9.2 bilion pada suku ketiga (S2: RM10.6 bilion). Dana itu diperoleh terutamanya melalui terbitan nota jangka sederhana dan bon jangka panjang. Pada asas bersih, dana yang diperoleh melalui pasaran PDS, tidak termasuk bon Cagamas, berjumlah RM2.4 bilion pada suku itu (S2: RM3.3 bilion).

M1 dan M3 berkembang pada kadar yang lebih cepat pada suku ketiga. Wang secara kecil atau M1 berkembang pada kadar tahunan 11.5% (S2: 10.1%), mencerminkan penempatan deposit permintaan dan pemegangan mata wang yang lebih tinggi oleh sektor swasta. Sementara itu, wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan 7.9% (S2: 6.4%).

Pergerakan kadar pertukaran ringgit terus mencerminkan keadaan permintaan dan penawaran pasaran, serta perkembangan mata wang negara serantau dan negara perindustrian utama. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku ketiga kerana dolar

AS disokong oleh aliran modal safe-haven sebagai reaksi terhadap perkembangan geopolitik di Timur Tengah dan Korea Utara, serta terdapat beberapa data ekonomi AS yang positif. Namun begitu, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun kerana nilai yen menyusut berikutan jangkaan terhadap peningkatan kadar faedah selanjutnya telah menurun. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.4% - 6% pada suku ketiga.

Pada tempoh 1 Oktober – 21 November 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama, selaras dengan aliran perdagangan dan pelaburan yang berterusan. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.1% - 0.5. Namun ringgit menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand (1.6%) dan dolar Singapura (0.9%).

Sistem perbankan kekal kukuh

Sistem perbankan kekal kukuh pada suku ketiga. Pada akhir bulan September, nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) meningkat kepada 13.2%. Keuntungan sebelum cukai bagi suku tersebut berjumlah RM3.8 bilion. Pendapatan faedah bersih daripada aktiviti yang berkaitan pinjaman dan pembiayaan yang lebih kukuh, dan pendapatan perdagangan dan pelaburan bersih adalah lebih tinggi. Paras pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) sistem perbankan terus menurun kerana pinjaman yang diklasifikasikan sebagai tak berbayar berkurang. Dengan itu, nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun kepada 5.1%.

Momentum asas pertumbuhan terus positif

Prospek ekonomi global terus menggalakkan. Meskipun terdapat ketidakpastian terhadap momentum pertumbuhan di AS, hala tuju harga minyak dan pendirian dasar monetari di negara perindustrian utama, peningkatan daya tahan ekonomi global telah mengakibatkan volatilti yang lebih sederhana dalam pasaran kewangan antarabangsa. Secara keseluruhan, pertumbuhan global akan terus positif dan menyeluruh. Di AS, kelembapan ekonomi pada suku ketiga terutamanya disebabkan kemerosotan yang ketara dalam pelaburan harta kediaman dan kesan harga minyak diimport yang tinggi. Ekonomi keseluruhannya terus kekal berdaya tahan. Perbelanjaan penggunaan dan aktiviti pelaburan keseluruhan masih menggalakkan, disokong keadaan pasaran pekerja yang stabil, pertumbuhan pelaburan harta bukan kediaman yang kukuh dan import barangan modal dan pengguna yang tinggi. Di Jepun, perancangan perbelanjaan modal yang lebih tinggi menunjukkan sentimen perniagaan semasa yang positif dan menyokong ekonomi untuk terus berkembang. Di kawasan euro, momentum pertumbuhan semakin meningkat dan dijangka memesatkan lagi aktiviti ekonomi. Di Asia pula, prestasi ekonomi yang kekal kukuh akan terus menyokong pertumbuhan yang saling memperkukuh apabila perdagangan dan pelaburan antara rantau menjadi lebih penting. Di samping itu, harga minyak global yang lebih rendah pada suku ketiga akan memberikan kesan yang ketara terhadap kadar inflasi pada masa depan.

Penunjuk masa depan bagi ekonomi dalam negeri juga positif. Indeks Keadaan Perniagaan, Indeks Sentimen Pengguna dan Indeks Guna Tenaga terus menunjukkan

trend yang meningkat. Perkembangan ini menandakan peningkatan yang berterusan aktiviti pelaburan swasta dan penggunaan isi rumah pada masa depan. Pertumbuhan enam bulan terlicin (six-month smoothed growth) indeks pelopor Jabatan Perangkaan Malaysia juga hampir pada 8%. Kenaikan yang berterusan dalam indeks pelopor Jabatan Perangkaan Malaysia dalam beberapa bulan kebelakangan ini menunjukkan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan berterusan hingga ke tahun depan. Pertumbuhan akan terus dipacu permintaan dalam negeri, oleh aktiviti sektor swasta dan awam, dan sektor luar negeri dalam suasana harga komoditi yang kukuh. Sumbangan daripada sektor awam mencerminkan pengeluaran perbelanjaan pembangunan yang berterusan apabila aktiviti projek yang sedang berjalan dipercepat dan kemajuan dalam pelaksanaan projek baru berimpak tinggi dalam pendidikan, pertanian, dan pembangunan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Prestasi pertumbuhan ekonomi global bercampur-campur

Aktiviti ekonomi global bercampur-campur pada suku ketiga dengan pertumbuhan yang sederhana di AS, pemulihan yang berterusan di Eropah dan pertumbuhan yang mampan di rantau Asia.

Pertumbuhan ekonomi **AS** meningkat 1.6% pada suku ketiga disebabkan terutamanya kemerosotan yang nyata dalam pelaburan harta kediaman (-17.4%) berikutan pasaran perumahan yang lembap. Selain itu, prestasi perdagangan yang kurang menggalakkan disebabkan terutamanya oleh kos minyak yang diimport yang tinggi, terus menjejaskan pertumbuhan. Namun begitu, kekuatan asas ekonomi keseluruhan kekal teguh kerana perbelanjaan penggunaan dan aktiviti pelaburan terus memberangsangkan, disokong keadaan pasaran pekerja yang lebih menggalakkan dan pertumbuhan pelaburan harta bukan kediaman yang kukuh, serta import barangan modal dan pengguna yang tinggi. Ekonomi **Jepun** terus berkembang 2% pada suku ketiga. Eksport memberikan lebih sokongan kepada pertumbuhan berikutan permintaan yang berterusan dari Republik Rakyat China (RR China) dan AS manakala perbelanjaan modal meningkat 2.9%. Sentimen perniagaan yang positif juga merupakan faktor penyumbang dengan pengilang besar merancang untuk meningkatkan perbelanjaan modal, seperti yang dilaporkan dalam kaji selidik Tankan terkini. Di **kawasan euro**, momentum pertumbuhan ekonomi berterusan pada 2.6% pada suku ketiga, didorong terutamanya oleh permintaan eksport dan dalam negeri yang kukuh. Keadaan ekonomi kukuh dengan Indeks Pengurus Pembelian (Purchasing Manager's Index) meningkat pada bulan Oktober. Sementara itu, pertumbuhan KDNK di Jerman adalah lebih menyeluruh pada suku itu, dengan permintaan dalam dan luar negeri merupakan penyumbang kepada pertumbuhan. Di **United Kingdom (UK)** pula, KDNK berkembang 2.8% pada suku ketiga, disokong terutamanya oleh pertumbuhan sektor perkhidmatan dan perkilangan. Sementara itu, harga rumah yang meningkat dan pasaran saham yang menggalakkan terus mendorong keyakinan pengguna pada bulan Oktober.

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2005		2006			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	4.2	1.8	5.6	2.6	1.6[a]	Pertumbuhan yang lebih perlahan ekoran penurunan dalam pelaburan harta kediaman dan defisit perdagangan yang lebih besar. Walau bagaimanapun, perbelanjaan swasta, pelaburan harta bukan kediaman dan perbelanjaan kerajaan kekal positif.
UK	1.8	1.9	2.3	2.6	2.8	Pertumbuhan yang lebih kukuh disokong peningkatan sektor perkhidmatan dan pengeluaran perkilangan.
Kawasan Euro	1.7	1.8	2.2[r]	2.7[r]	2.6[p]	Pertumbuhan mampan yang disokong permintaan dalam dan luar negeri terutamanya Jerman.
Jepun[1]	2.0[r]	4.1[r]	3.2[r]	1.5[r]	2.0[p]	Pemulihan berterusan berikutan peningkatan pelaburan harta kediaman sementara eksport terus mendorong pertumbuhan pada S3. Walau bagaimanapun, penggunaan swasta menurun.

[1] Berasaskan kadar tahunan *(annualised)*
[a] Anggaran awal
[r] Dikaji semula
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dalam ekonomi global, keperluan untuk mengetatkan **dasar monetari** telah berkurang bagi sesetengah negara. Di AS, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market Committee, FOMC) mengekalkan kadar

Fed fund pada 5.25% untuk kali ketiga berturut-turut pada 25 Oktober. Keputusan ini diambil memandangkan risiko inflasi masa depan negara itu dijangka berkurang berikutan pertumbuhan ekonomi yang semakin sederhana dan penurunan harga minyak. **Bank of Japan** mengekalkan kadar panggilan semalaman tanpa cagaran pada 0.25% pada 31 Oktober, selepas menamatkan dasar kadar faedah sifarnya pada bulan Julai. **European Central Bank** terus meningkatkan kadar pembiayaan semulanya yang utama sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada 5 Oktober, disebabkan risiko pertumbuhan wang dan kredit yang kukuh dalam ekonomi mungkin akan meningkatkan inflasi. **Bank of England** menaikkan kadar faedah kepada 5% pada 9 November, yang merupakan paras tertinggi dicatat dalam lima tahun.

Harga minyak mentah global berpurata USD71 setong pada suku ketiga. Selepas memuncak pada USD78.40 pada 14 Julai, harga minyak telah kembali menurun. Pada bulan Oktober, harga minyak mentah mengalami pembetulan terbesar sepanjang 15 tahun, dengan penurunan hampir 20% daripada puncaknya pada pertengahan bulan Julai untuk berlegar di sekitar USD58-61 setong. Penurunan harga disokong kebimbangan geopolitik yang semakin reda, peningkatan inventori, musim taufan di AS yang lebih sederhana daripada jangkaan dan jangkaan permintaan yang semakin sederhana ekoran kelembapan ekonomi AS.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2005		2006			Faktor penyumbang utama pertumbuhan KDNK S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	9.8	9.9	10.3	11.3	10.4	Didorong pelaburan dan eksport.
Singapura	7.6	8.7	10.7	8.2	7.2	Disokong sektor perkilangan dan perdagangan borong dan runcit.
Hong Kong	8.2	7.5	8.0	5.5	6.8	Disokong pelaburan dan eksport.
Indonesia	5.6	4.9	4.8	5.1	5.5	Disokong perbelanjaan pengguna dan eksport bersih.
Korea	4.5	5.3	6.1	5.3	4.6	Disokong perbelanjaan kerajaan dan pelaburan kemudahan.

Sumber: Pihak berkuasa negara

Pertumbuhan ekonomi di **rantau Asia** berterusan pada suku ketiga. Namun, pertumbuhan itu meningkat pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan suku kedua. Pertumbuhan disokong prestasi yang kukuh di RR China, pemulihan sektor elektronik dan pengukuhan permintaan dalam negeri. Eksport serantau terus berdaya saing, menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada jangkaan awal meskipun terdapat kebimbangan terhadap kemungkinan berlakunya kelembapan dalam permintaan AS.

Kadar **inflasi** di kebanyakan negara serantau menunjukkan trend yang menurun. Khususnya, tekanan inflasi mula reda di Thailand, mencerminkan semakin lemahnya kesan pengapungan harga diesel pada akhir bulan Jun 2006 dan harga tenaga, pengangkutan dan komunikasi yang lebih rendah. Dari segi pendirian **dasar monetari**, India, Korea dan RR China telah menaikkan kadar faedah pada suku tersebut sementara Singapura mengekalkan dasar 'penambahan nilai yang sederhana dan secara beransur-ansur' bagi jalur (band) dasar Kadar Pertukaran Efektif Nominal Dolar Singapura (Singapore dollar nominal effective exchange rate, S$NEER). Sementara itu, Indonesia terus menurunkan kadar faedah pada awal bulan November.

Dalam **pasaran pertukaran mata wang asing**, dolar menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama pada suku ketiga. Penyusutan nilai dolar didorong terutamanya oleh peningkatan jangkaan berakhirnya pendirian dasar monetari AS

yang ketat. Yen Jepun dan franc Switzerland merupakan mata wang yang terkecuali kerana mata wang tersebut menyusut nilai disebabkan oleh aktiviti carry-trade. Yen merosot ke paras terendah dalam sejarah berbanding dengan euro pada 19 September. Sementara itu, prestasi mata wang serantau secara umumnya bercampur-campur. Peso Filipina, baht Thailand, yuan China, rupiah Indonesia dan won Korea menambah nilai pada suku ketiga berbanding dengan akhir suku kedua, sementara mata wang serantau lain menyusut nilai sedikit. Peso mencatat penambahan nilai tertinggi, dirangsang oleh data ekonomi yang positif dan pengiriman wang daripada pekerja di luar negeri.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Momentum pertumbuhan berterusan, mencerminkan asas ekonomi yang kukuh

KDNK benar berkembang 5.8% (S2: 6.2%) pada suku ketiga 2006. Perkembangan ini menunjukkan asas ekonomi yang kukuh, yang disokong pertumbuhan sektor perkhidmatan dan perkilangan yang mampan, dan pertumbuhan sektor pertanian yang lebih tinggi. Pertumbuhan sektor perkilangan dicerminkan oleh perkembangan dalam industri berasaskan eksport dan peningkatan dalam industri berasaskan dalam negeri. Sementara itu, pertumbuhan sektor perkhidmatan adalah menyeluruh, disokong oleh permintaan pengguna, pelancongan, kewangan dan aktiviti berkaitan perdagangan yang berterusan. Pertumbuhan sektor pertanian juga disokong pelbagai jenis aktiviti, termasuk tanaman perindustrian utama seperti minyak sawit dan getah di samping komoditi berasaskan makanan seperti padi, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran, didorong oleh faktor berkaitan cuaca dan harga komoditi yang menarik. Aktiviti pembinaan kekal stabil, manakala sektor perlombongan merosot disebabkan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga 1987

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	1.7	-1.5	7.4	5.6	6.2
Perlombongan	3.4	-2.0	-1.3	-1.2	-1.2
Perkilangan	3.5	7.9	8.5	8.4	7.1
Pembinaan	-1.4	-0.6	-1.8	-0.5	-0.4
Perkhidmatan	7.3	5.9	5.9	6.6	6.5
KDNK benar (Perubahan Tahunan)	**5.3**	**5.2**	**5.9**	**6.2**	**5.8**
KDNK benar (Perubahan Berbanding Suku Sebelumnya)	**3.8**	**1.8**	**-2.2**	**2.7**	**3.3**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kekukuhan aktiviti perkhidmatan berterusan

Sektor perkhidmatan terus berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 6.5% (S2: 6.6%), didorong aktiviti penggunaan dalam negeri, pelancongan, kewangan dan aktiviti berkaitan perdagangan, yang menyebabkan pertumbuhan menyeluruh dalam kesemua subsektor. Khususnya, **subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** berkembang 7.5% (S2: 6.7%) pada suku ketiga. Aktiviti perbankan konvensional dan Islam kekal kukuh, disokong aktiviti pemberian pinjaman dan aktiviti berasaskan fi, manakala aktiviti insurans meningkat dengan ketara, disokong terutamanya oleh produk berkaitan pelaburan. Pertumbuhan diperkukuh lagi oleh aktiviti harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, termasuk perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat, yang mendapat manfaat daripada 66 syarikat baru berstatus Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor, MSC) yang mula beroperasi pada suku itu (S2: 30), termasuk 5 syarikat perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (shared services and outsourcing, SSO) (S2: 11).

Prestasi Sektor Perkhidmatan (Nilai Ditambah)

	Bhg 2005	2005		2006		
		S3	S4	S1	S2	S3
	%	Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**41.5**	**5.9**	**5.5**	**5.4**	**6.7**	**7.4**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	15.1	4.3	4.9	4.5	6.7	7.1
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	26.4	6.9	5.8	6.0	6.7	7.5
Perkhidmatan Akhir	**58.5**	**8.2**	**6.1**	**6.2**	**6.5**	**5.8**
Elektrik, gas & air	7.1	6.5	3.7	4.2	3.4	5.2
Perniagaan borong & runcit, hotel dan restoran	25.2	9.9	7.0	6.1	6.5	5.8
Perkhidmatan Kerajaan	12.8	9.0	7.4	9.3	10.4	7.9
Perkhidmatan lain	13.3	5.4	4.6	4.6	4.5	4.2
Jumlah Perkhidmatan	**100**	**7.3**	**5.9**	**5.9**	**6.6**	**6.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran tumbuh 5.8% pada suku ketiga (S2 2006: 6.5%), mencerminkan sokongan yang berterusan daripada perbelanjaan penggunaan dalam negeri selaras dengan sentimen pengguna yang meningkat. Aktiviti sektor perdagangan edaran, selain segmen kenderaan bermotor, disokong Karnival Jualan Mega yang diadakan dalam tempoh 22 Julai – 3 September, dan juga disebabkan persiapan menghadapi ketibaan perayaan utama pada suku terakhir tahun 2006. Peningkatan aktiviti pelancongan, terutamanya ketibaan pelancong dari Timur Tengah pada tempoh percutian musim panas di negara mereka, terus menyokong segmen runcit dan hospitaliti terutamanya di bandar-bandar utama dan destinasi pelancongan. Walau bagaimanapun, aktiviti perdagangan edaran segmen kenderaan bermotor masih lembap, disebabkan permintaan yang lemah terhadap kenderaan baru yang terjejas ekoran harga tukar beli kereta terpakai yang rendah.

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Peratusan pada akhir tempoh (%)				
Kadar penembusan telefon bimbit	66.8	74.1	77.7	80.8	81.6
Kadar penembusan internet	13.8	13.9	13.9	14.0	14.0
Kadar penembusan jalur lebar	1.7	1.9	2.2	2.5	2.8
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	5.6	1.9	6.5	2.8	-0.03
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	18.6	18.7	18.8	21.0	17.0
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	12.6	8.3	7.3	9.0	11.5
Import barangan penggunaan	5.2	4.2	14.0	12.8	15.3
Jumlah jualan kereta penumpang	1.5	13.6	-9.5	-6.2	-7.0
Jumlah jualan kenderaan perdagangan	50.2	16.5	25.2	-10.2	-15.0
Trafik SMS	143.3	156.3	118.9	53.4	36.6
Kargo yang dikendali (semua lapangan terbang)	0.6	6.2	10.7	6.0	4.9
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	5.2	7.8	7.8	13.9	15.7

Sumber: Pelbagai Sumber

Subsektor **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** meningkat dengan lebih tinggi sebanyak 7.1% (S2: 6.7%) mencerminkan prestasi segmen pengangkutan yang lebih baik dan pertumbuhan segmen telekomunikasi yang berterusan. Industri pengangkutan mendapat manfaat daripada aktiviti perdagangan dan aktiviti berkaitan pelabuhan yang lebih pesat. Industri telekomunikasi meneruskan pertumbuhannya pada kadar yang kukuh, ekoran permintaan yang meningkat daripada perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat (information technology, IT), termasuk SSO, serta peningkatan jumlah pelanggan bagi segmen selular dan jalur lebar dan penggunaan perkhidmatan data dan suara yang lebih tinggi dalam segmen selular.

Subsektor **utiliti** mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.2% (S2 : 3.4%) disebabkan penjanaan elektrik yang lebih tinggi, terutamanya disokong permintaan yang meningkat daripada segmen komersial. Peningkatan permintaan segmen ini ialah ekoran daripada acara sukan bola sepak Piala Dunia dan penambahan masa berurus niaga sepanjang Karnival Jualan Mega yang berlangsung pada suku ketiga. Pertumbuhan subsektor **perkhidmatan Kerajaan** pula disebabkan pembayaran emolumen dan elaun yang lebih tinggi, selain pembayaran bonus terakru kepada kakitangan awam.

Sektor perkilangan terus berkembang

Pertumbuhan nilai tambah **sektor perkilangan** meningkat 7.1% (S2: 8.4%), mencerminkan pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport dan peningkatan selanjutnya dalam industri berorientasikan dalam negeri. Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan berpurata 76% pada suku ketiga (S2: 74%), dengan industri berorientasikan eksport dan industri berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 80% dan 68% (S2: masing-masing sebanyak 78% dan 67%).

Industri berorientasikan eksport berkembang 6.3% (S2: 9.6%), disokong terutamanya oleh pertumbuhan dalam industri berasaskan sumber tertentu.

Prestasi Sektor Perkilangan

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (Harga Malar)	**3.5**	**7.9**	**8.5**	**8.4**	**7.1**
Pengeluaran Keseluruhan	**4.7**	**8.2**	**8.9**	**8.7**	**7.4**
Industri berorientasikan eksport	**5.7**	**10.1**	**10.8**	**9.6**	**6.3**
Antaranya:					
Elektronik dan barangan elektrik	3.3	10.5	17.3	8.3	5.4
Bahan kimia dan keluaran kimia	13.1	16.8	5.6	10.8	-1.4
Keluaran petroleum[1]	10.8	11.5	8.7	15.5	18.5
Tekstil, pakaian dan kasut	12.7	10.3	10.6	14.5	1.9
Kayu dan keluaran kayu [2]	1.4	3.1	3.3	-1.3	4.5
Keluaran getah	-4.0	-1.6	-7.3	8.6	13.9
Pemprosesan luar estet	2.0	-4.6	-4.9	7.2	10.0
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**0.7**	**0.4**	**1.1**	**5.3**	**12.1**
Antaranya:					
Keluaran galian bukan logam	-1.6	1.5	-5.1	1.2	7.9
Besi & keluli dan logam bukan ferum	-7.1	-13.4	-9.8	-4.1	8.2
Makanan	7.7	4.8	-1.6	3.7	15.3
Kelengkapan pengangkutan	6.5	6.7	6.6	3.9	-4.3
Keluaran logam yang direka	-5.6	-5.7	15.2	24.4	35.9
Jumlah Eksport Perkilangan	**6.3**	**13.1**	**10.6**	**10.0**	**14.2**
Antaranya:					
Keluaran elektronik dan elektrik	6.8	14.7	8.4	5.6	10.3
Bahan kimia dan keluaran kimia	1.3	4.5	-6.9	9.9	22.4
Keluaran petroleum	19.4	20.6	40.3	39.0	31.8
Peralatan optikal & saintifik	-0.7	12.4	7.9	5.2	24.3
Keluaran kayu	-14.9	6.6	-3.7	10.0	34.3
Barangan perabot	3.0	0.8	8.0	5.4	10.5
Keluaran getah	10.0	18.7	17.7	38.4	46.3

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baru, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport.

[2] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Penggunaan Kapasti dalam Sektor Perkilangan



Sementara itu, industri E&E mencatat pertumbuhan sebanyak 5.4% pada suku itu (S2: 8.3%), mencerminkan pertumbuhan separa konduktor yang mampan dan pertumbuhan komputer dan peranti komputer yang lebih sederhana. Antara industri berasaskan sumber, pengeluaran produk getah berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 13.9% (S2: 8.6%), disokong oleh permintaan luar negeri terhadap sarung tangan getah yang kukuh, yang lebih daripada mengimbangi prestasi lemah segmen tayar, disebabkan peralihan berterusan kepada pengeluaran produk nilai ditambah yang lebih tinggi. Di samping itu, produk petroleum dan industri pemprosesan di luar estet masing-masing meningkat 18.5% (S2: 15.5%) dan 10% (S2:7.2%). Peningkatan dalam industri pemprosesan di luar estet adalah selaras dengan trend menaik dalam pengeluaran komoditi utama seperti minyak sawit mentah dan getah.

Sementara itu, **industri berorientasikan dalam negeri** menunjukkan peningkatan yang nyata pada suku ketiga, dengan peningkatan pada kadar dua angka sebanyak 12.1% (S2: 5.3%) disebabkan kesan pemulihan dalam industri barangan berkaitan pembinaan (8%; S2: -0.6%), di samping keteguhan dalam industri keluaran logam yang direka (35.9%; S2: 24.4%), dan keluaran berkaitan makanan (15.3%; S2: 3.7%). Kadar pertumbuhan yang kukuh dalam industri ini lebih daripada mengimbangi penguncupan dalam industri kelengkapan pengangkutan (-4.3%; S2: 3.9%) yang terus terjejas oleh permintaan yang lembap terhadap kereta penumpang

baru. Pengeluaran produk kaca dan logam disokong permintaan dalam dan luar negeri, manakala sektor makanan dan minuman menunjukkan pertumbuhan yang ketara kerana pengilang sudah membuat persiapan untuk menghadapi perayaan hujung tahun.

Pengukuhan sektor pertanian menyeluruh manakala sektor perlombongan merosot

Sektor pertanian meneruskan momentum pertumbuhan yang kukuh bagi suku ketiga berturut-turut dengan peningkatan sebanyak 6.2% (S1: 7.4%; S2: 5.6%), didorong oleh pelbagai jenis aktiviti termasuk minyak sawit, getah, padi, perikanan, buah-buahan dan sayur-sayuran. Sementara itu, sektor perlombongan merosot sebanyak 1.2% (S2: -1.2%) disebabkan keseluruhannya oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah.

Dalam **sektor pertanian, pengeluaran minyak sawit mentah** mencapai pengeluaran tertinggi baru sebanyak 4.52 juta tan pada suku ketiga, mengatasi pencapaian tertinggi sebelum ini sebanyak 4.09 juta tan yang dicatat pada tempoh yang sama tahun 2004. Pertumbuhan yang kukuh sebanyak 10.6% (S2: 7.4%) disebabkan terutamanya peningkatan hasil tandan buah segar yang menggalakkan pada 5.66 tan sehektar (S2: 5.14 tan sehektar), didorong keadaan cuaca yang baik yang mempercepat aktiviti tuaian. Pengeluaran getah asli juga terus kukuh untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 8.1% (S2: 7.6%). Peningkatan pengeluaran disebabkan harga getah yang tetap menarik dengan purata 760 sen sekilogram walaupun harga tersebut lebih rendah daripada pencapaian tertinggi sebanyak 895 sen sekilogram pada minggu pertama bulan Julai 2006. Harga yang tinggi mendorong peningkatan aktiviti penorehan getah, terutamanya dalam kalangan pekebun kecil yang mendominasi sektor itu untuk menggunakan teknologi moden seperti Sistem Penorehan Kekerapan Rendah bagi meningkatkan hasil.

Prestasi Sektor Pertanian

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 1987)	**1.7**	**-1.5**	**7.4**	**5.6**	**6.2**
Pengeluaran[1]					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	0.2	-6.0	-5.4	7.4	10.6
Minyak isirong sawit mentah	7.8	-5.4	-8.9	6.7	11.5
Getah	4.4	-3.8	24.7	7.6	8.1
Ikan	-5.6	-1.7	8.0	9.3	5.9
Ternakan	4.4	30.4	22.7	16.9	9.8
Biji koko	-19.0	-7.8	24.1	52.4	17.8
Eksport (RM juta)	**-0.1**	**3.2**	**4.5**	**3.3**	**20.4**
Antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	4.0	-0.2	2.7	-4.9	11.4
(RM/tan)	-13.5	-8.2	-4.6	1.0	11.7
(RM juta)	-10.0	-8.4	-2.0	-4.0	24.5
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	-14.3	-2.1	-45.8	-23.3	58.7
(RM/tan)	-5.8	-12.4	-12.4	-19.6	-10.1
(RM juta)	-19.2	-14.2	-52.6	-38.3	42.7
Getah					
('000 tan)	4.4	-0.2	3.0	5.1	-4.1
(Sen/kilogram)	13.0	28.7	43.9	53.9	59.5
(RM juta)	18.0	28.4	48.2	61.7	53.0
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	9.1	-0.8	-19.6	-15.1	-8.0
(RM/meter padu)	5.7	23.5	37.2	17.6	11.1
(RM juta)	15.3	22.4	10.3	-0.1	2.2
Kayu balak					
('000 meter padu)	-4.4	1.6	-19.4	-23.0	-21.6
(RM/meter padu)	14.7	17.0	18.1	9.9	7.7
(RM juta)	9.7	18.8	-4.8	-15.4	-15.6
Biji koko					
('000 tan)	-77.6	-5.6	101.1	1.6	321.3
(RM/tan)	18.6	3.5	0.1	1.4	4.4
(RM juta)	-73.4	-2.3	101.2	3.1	339.8

[1] Dalam '000 tan, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu dan ternakan dalam jumlah yang disembelih (Semenanjung Malaysia sahaja)

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan yang pesat juga ketara dalam subsektor 'pertanian lain', terutamanya padi, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran dan koko. Pengeluaran **ikan** meningkat 5.9% kepada 403,317 tan, disebabkan terutamanya peningkatan pendaratan ikan, sementara peningkatan pengeluaran **buah-buahan, sayur-sayuran** dan **padi** disokong oleh faktor berkaitan cuaca. Pengeluaran **koko** bertambah kukuh lagi bagi suku ketiga berturut-turut sebanyak 17.8% kepada 4,683 tan, disebabkan insiden jangkitan black pod yang semakin kurang.

Sektor perlombongan terjejas oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah manakala peningkatan pengeluaran gas asli meningkat pada suku ketiga. Pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) menurun 3.5% kepada 695,289 tong sehari (S2: +0.2% kepada 657,423 tong sehari), disebabkan penutupan berjadual medan minyak bagi tujuan penyelenggaraan. Sementara itu, pengeluaran gas asli meningkat 3.5% kepada 5,550 juta kaki padu standard sehari
(S2: -3%) disokong oleh permintaan luar negeri yang lebih tinggi daripada negara-negara pengimport utama.

Aktiviti pembinaan kekal stabil

Aktiviti pembinaan kekal stabil pada suku ketiga dengan sektor itu mencatat penurunan sederhana sebanyak 0.4%. Prestasi sektor pembinaan dicerminkan oleh penguncupan subsektor kejuruteraan awam yang lebih perlahan. Aktiviti subsektor bukan kediaman pula didorong minat baru terhadap pembangunan komersial dan bercampur sejajar dengan aktiviti perniagaan yang pesat, manakala subsektor kediaman disokong permintaan terhadap lokasi utama. Pada masa depan, sektor pembinaan dijangka mendapat manfaat daripada pencepatan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Penunjuk Pembinaan

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	45.4	11.4	-23.6	-20.3	-21.7
Kelulusan perumahan	2.8	2.8	-43.4	-7.4	-12.6
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	-3.5	-3.8	-6.6	-0.6	8.0
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	-7.3	3.4	-33.0	5.5	8.2
Import bahan pembinaan dan bahan galian	-23.7	0.2	2.6	-0.8	37.3[1]

[1] Julai-Ogos 2006
Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Aktiviti permintaan dalam negeri berterusan

Sektor swasta terus menjadi penyumbang utama aktiviti permintaan dalam negeri pada suku ketiga. Sektor awam pula terus menyokong pertumbuhan dengan perbelanjaan sektor itu menunjukkan tanda-tanda peningkatan yang jelas pada suku ketiga.

Prestasi Sektor Perlombongan

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 1987)	**3.4**	**-2.0**	**-1.3**	**-1.2**	**-1.2**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-5.7	-6.1	1.9	0.2	-3.5
('000 tong)					
Gas asli (bersih)	15.9	-0.6	-6.0	-3.0	3.5
(juta kaki padu standard)					
Eksport (RM juta)	**25.8**	**20.2**	**23.0**	**10.1**	**1.3**
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	-9.4	8.6	-7.3	-5.3	-15.8
(USD/tong)	43.6	26.3	40.8	31.0	16.9
(RM juta)	29.0	36.3	28.1	19.2	-4.1
Gas asli cecair					
('000 tan)	5.7	-1.7	-2.6	-8.5	1.8
(RM/tan)	16.8	17.6	19.6	15.2	13.0
(RM juta)	23.4	15.5	16.4	5.4	15.0

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan perbelanjaan penggunaan adalah mampan pada 7.1%. Perbelanjaan **penggunaan swasta** pada suku ketiga meningkat 6.8%. Perbelanjaan pengguna disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil, perolehan eksport yang lebih kukuh, dan harga komoditi yang teguh. Dalami pasaran pekerja jumlah kekosongan jawatan masih tinggi dan pemberhentian pekerja lebih rendah. Prestasi pasaran saham yang lebih teguh pada suku itu juga memberikan kesan kekayaan yang positif terhadap pengguna. Selain itu, pelbagai promosi sepanjang Karnival Jualan Mega tahunan di seluruh negara mulai akhir bulan Julai sehingga awal bulan September, turut menggalakkan perbelanjaan sektor isi rumah.

Data terkini menunjukkan sektor isi rumah lebih optimistik terhadap masa depan. Indeks Sentimen Pengguna terus meningkat kepada 107.5 mata pada suku ketiga (S2: 104.2 mata). Kenaikan indeks ini mencerminkan terutamanya jangkaan sektor isi rumah akan pendapatan yang stabil dan peluang pekerjaan yang lebih baik. Penunjuk penggunaan yang utama seperti import barangan penggunaan dan perbelanjaan pengguna melalui kad kredit terus mencatat pertumbuhan yang berterusan, mencerminkan perbelanjaan pengguna yang mampan. Selain itu, OPR yang tidak berubah pada suku itu mengurangkan kebimbangan terhadap kos pembiayaan yang meningkat.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	9.2	7.2	8.1	7.4	6.0
Penggunaan	9.0	9.9	6.8	7.3	7.1
Sektor swasta	10.4	9.0	7.5	7.3	6.8
Sektor awam	4.7	12.6	3.8	7.2	8.3
Pembentukan Modal Tetap Kasar	9.6	0.4	11.4	7.6	3.5
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	5.8	9.7	5.9	4.9	10.5
Import Barangan dan Perkhidmatan	8.2	8.0	10.8	7.7	7.4
KDNK	**5.3**	**5.2**	**5.9**	**6.2**	**5.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan awam mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 8.3% pada suku ketiga disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan lebih tinggi atas emolumen, bekalan dan perkhidmatan, dan pertahanan.

Aktiviti pelaburan swasta dan peningkatan perbelanjaan pembangunan awam menyokong pertumbuhan **pembentukan modal tetap kasar** sebanyak 3.5%. Aktiviti perbelanjaan modal sektor swasta disokong sentimen perniagaan yang lebih menggalakkan dan penggunaan kapasiti yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan. Sentimen perniagaan yang meningkat ditunjukkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan bagi suku ketiga, yang meningkat 5.4 mata daripada paras pada suku sebelumnya (107.8 mata; S2: 102.4 mata). Aktiviti pengeluaran yang lebih giat, jualan yang meningkat, tempahan eksport yang lebih tinggi, dan perbelanjaan atas loji baru dan kelengkapan yang bertambah telah menyumbang kepada peningkatan indeks itu. Pada masa yang sama, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan meningkat. Sebahagian besar daripada peningkatan perbelanjaan itu disalurkan kepada sektor pertanian dan pembangunan luar bandar, pendidikan dan kemudahan awam.

Inflasi sederhana pada suku ketiga

Pada suku ketiga 2006, inflasi seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna** sederhana pada 3.6% (S2: 4.1%). Seperti dijangka, penyederhanaan inflasi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga yang lebih perlahan bagi barangan dalam kategori pengangkutan (S3: 10%; S2: 13.9%) berikutan luputnya kesan kenaikan harga runcit petrol dan diesel pada bulan Ogos 2005. Kadar inflasi bagi minuman beralkohol dan tembakau

Keyakinan Perniagaan dan Pengguna yang Meningkat



lebih tinggi berikutan kenaikan duti eksais barangan tersebut seperti yang diumumkan dalam Bajet 2007 pada bulan September 2006. Harga pakaian dan kasut dan caj komunikasi pula terus menurun berbanding dengan parasnya setahun yang lalu. Pada sembilan bulan pertama tahun 2006, inflasi berpurata pada 3.8% (2.9% pada tempoh yang sama tahun 2005). Trend ini berlanjutan pada suku keempat dengan inflasi terus sederhana kepada 3.1% pada bulan Oktober.

Jabatan Perangkaan Malaysia mengumumkan perubahan tahun rujukan asas bagi Indeks Harga Pengeluar (IHPR) kepada tahun 2000 (sebelum ini tahun 1989=100). Usaha ini turut melibatkan penyemakan terhadap wajaran barangan dalam kumpulan IHPR. Berdasarkan wajaran baru, kadar peningkatan IHPR sederhana pada 6.4% pada suku ketiga (S2: 7.7%) ekoran kenaikan harga yang lebih perlahan bagi kategori berkaitan komoditi. Kenaikan harga minyak mentah dan getah khususnya, sederhana pada suku itu lalu menurunkan inflasi harga pengeluar. Tidak termasuk komoditi, kadar kenaikan tahunan IHPR lebih tinggi pada 5.7% (S2: 2.7%), yang disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga jentera dan kelengkapan pengangkutan dan barangan perkilangan.

Sumbangan kepada Inflasi



Bermula 2006, tahun asas bagi IHP adalah 2005 = 100

Keadaan pasaran pekerja stabil

Data terkini menunjukkan pasaran pekerja terus stabil memandangkan kekosongan jawatan kekal tinggi manakala pemberhentian pekerja berkurang dengan ketara. Perkembangan positif ini turut dicerminkan oleh Indeks Guna Tenaga yang naik 10.8 mata kepada 113.2 mata pada suku ketiga.

Jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan menerusi Bursa Buruh Elektronik meningkat kepada 237,407 jawatan (S2: 225,863 jawatan). Sektor perkilangan melaporkan bilangan jawatan kosong terbesar (41% daripada jumlah kekosongan jawatan), diikuti pertanian (24%), perkhidmatan (17%) dan pembinaan (15%). Walau bagaimanapun, kebanyakan kekosongan jawatan yang dilaporkan melalui Bursa ini terus didominasi kategori jawatan peringkat rendah, seperti pekerjaan mudah (61%). Ini disebabkan kecenderungan majikan untuk mendapat pekerja daripada agensi pekerjaan swasta dan/atau mengiklankannya dalam media cetak bagi memenuhi kekosongan jawatan yang memerlukan kepakaran, bakat dan kemahiran yang lebih tinggi. Jumlah pemberhentian pekerja berkurang dengan ketara pada suku ketiga. Hanya sebanyak 2,497 pekerja diberhentikan (S2: 6,602 pekerja) pada suku itu, selaras dengan permintaan terhadap pekerja yang masih kukuh. Pemberhentian melibatkan terutamanya pengendali dan pemasang loji dan jentera, pekerja am, dan pekerja kraf serta pekerja di sektor perdagangan (bahagian sebanyak 40%). Kira-kira 60% daripada pemberhentian adalah dalam sektor perkilangan, dengan satu pertiga daripadanya merupakan pekerja industri keluaran elektronik dan elektrik.

Keadaan Pasaran Kerja



Selepas mencatat kemerosotan pada suku pertama dan kedua, produktiviti benar pekerja sektor perkilangan pulih pada suku ketiga (0.7%; S2: -2.2%). Kenaikan nilai benar bagi jualan produk setiap pekerja juga nyata lebih tinggi daripada upah benar, yang terus merosot (-2.3%; S2: -2.1%). Ini menunjukkan tekanan upah yang terhad dalam sektor perkilangan pada tempoh itu.

Pertumbuhan eksport lebih kukuh

Akaun dagangan mencatat **lebihan** sebanyak RM28.9 bilion pada suku ketiga tahun 2006 (S2: RM22.9 bilion), selaras dengan pertumbuhan eksport perkilangan dan pertanian yang kukuh. Eksport kasar berkembang 13.6% (S2: 9.5%) sementara pertumbuhan import kekal pada 11.5% (S2: 11.5%).

Pada suku ketiga, eksport kasar bertambah kukuh, iaitu meningkat 13.6% (S2: 9.5%) hasil daripada eksport barangan perkilangan dan pertanian yang lebih tinggi. Eksport mineral pula meningkat pada kadar yang lebih sederhana.

Eksport barangan perkilangan naik 14.2% (S2: 10%) disokong terutamanya oleh eksport keluaran E&E, dan keluaran berasaskan sumber. Eksport keluaran elektrik yang lebih banyak, khususnya peralatan telekomunikasi, terus memacu prestasi eksport keluaran E&E yang lebih baik (10.3%; S2: 5.6%). Eksport separa konduktor juga menyumbang kepada pertumbuhan eksport yang lebih kukuh sejajar dengan prestasi industri separa konduktor global. Khususnya, jumlah eksport mikropemproses meningkat berikutan pengenalan produk baru.

Eksport keluaran berasaskan sumber meningkat dengan kukuh, diterajui pertumbuhan dua angka eksport keluaran kimia, petroleum, getah dan kayu. Eksport keluaran kimia terus meningkat 22.4% (S2: 9.9%), disokong oleh permintaan dari RR China dan negara serantau. Eksport keluaran getah pula kekal

Imbangan Perdagangan



memberangsangkan (46.3%; S2: 38.4%) kerana harga yang menggalakkan. Eksport keluaran kayu pula terus meningkat sebanyak 34.3% (S2: 10%) disokong terutamanya oleh permintaan dari Jepun.

Eksport pertanian meningkat dengan kukuh sebanyak 20.4% pada suku ketiga (S2: 3.3%), didorong terutamanya oleh prestasi eksport minyak sawit dan getah yang memberangsangkan. Eksport minyak sawit pulih dengan ketara untuk meningkat 24.5% (S2: -4%) disebabkan pertambahan jumlah eksport (11.4%) dan kenaikan harga (11.7%). Permintaan yang teguh terhadap minyak sawit Malaysia dirangsang oleh peningkatan permintaan untuk penggunaan minyak sawit sebagai minyak makan, terutamanya oleh negara Barat, berikutan trend yang meningkat dalam penggunaan minyak sawit bagi menggantikan minyak yang mengandungi asid transfatty. Peningkatan permintaan terhadap minyak sawit juga untuk penggunaan komoditi ini sebagai bahan input untuk menghasilkan biodiesel. Permintaan terhadap minyak sawit khususnya dari RR China, Kesatuan Eropah, India, Pakistan, dan AS, meningkat dengan nyata. Ekoran daripada peningkatan permintaan, harga minyak sawit naik kepada purata RM1,604 setan (S2: RM1,461 setan). Eksport getah pula terus kukuh bagi suku ketiga berturut-turut dan meningkat 53%, disebabkan keseluruhannya oleh kenaikan harga (+59.5% kepada 834 sen sekilogram; S2: 727 sen sekilogram). Jumlah getah yang dieksport menguncup 4.1% pada suku itu.

Akaun Perdagangan

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**7.5**	**12.6**	**11.5**	**9.5**	**13.6**
Perkilangan	*6.3*	*13.1*	*10.6*	*10.0*	*14.2*
Pertanian	*-0.1*	*3.2*	*4.5*	*3.3*	*20.4*
Galian	*25.8*	*20.2*	*23.0*	*10.1*	*1.3*
Import Kasar	**8.6**	**7.5**	**13.7**	**11.5**	**11.5**
Barangan modal	*21.0*	*0.3*	*27.8*	*7.9*	*-6.4*
Barangan pengantara	*6.3*	*6.3*	*8.2*	*7.8*	*12.4*
Barangan penggunaan	*5.2*	*4.2*	*14.0*	*12.8*	*15.3*
Imbangan perdagangan (RM bil)	**23.3**	**28.6**	**25.8**	**22.9**	**28.9**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perolehan eksport **mineral** meningkat, namun pada kadar yang lebih rendah, iaitu sebanyak 1.3% (S2: 10.1%) disebabkan oleh kemerosotan perolehan eksport minyak mentah (-4.1%; S2: 19.2%) berikutan jumlah eksport yang lebih rendah (-15.8%) sejajar dengan trend pengeluaran. Walau bagaimanapun, harga eksport minyak mentah kekal tinggi pada purata USD72.18 setong pada suku itu kerana minyak Malaysia yang merupakan minyak gred premium, didagangkan pada harga yang melebihi harga tanda aras minyak mentah lain di pasaran dunia. Eksport gas asli cecair (LNG) naik pada kadar yang menggalakkan sebanyak 15% disebabkan kenaikan harga (+13% kepada RM1,114 setan) sejajar dengan trend harga gas asli global yang meningkat. Jumlah eksport gas asli hanya meningkat sedikit, iaitu sebanyak 1.8%.

Malaysia: Destinasi Eksport

	2005		2006			2005		2006			2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion					Bahagian daripada jumlah eksport (%)					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**28.9**	**27.5**	**24.5**	**28.1**	**30.1**	**21.0**	**19.3**	**17.9**	**19.6**	**19.2**	**15.8**	**18.8**	**13.4**	**4.3**	**4.2**
Kesatuan Eropah (EU)	**15.5**	**17.5**	**16.1**	**17.6**	**20.1**	**11.2**	**12.3**	**11.8**	**12.3**	**12.9**	**-4.0**	**11.2**	**10.0**	**17.5**	**29.9**
Negara ASEAN terpilih[1]	**34.8**	**36.7**	**37.4**	**37.8**	**39.9**	**25.3**	**25.7**	**27.3**	**26.4**	**25.5**	**9.3**	**14.5**	**14.7**	**12.0**	**14.4**
Negara Timur Laut Asia	**24.6**	**27.0**	**25.2**	**26.2**	**29.5**	**17.8**	**18.9**	**18.4**	**18.3**	**18.9**	**2.2**	**11.0**	**7.3**	**8.8**	**20.0**
Republik Rakyat China	*8.5*	*10.5*	*8.3*	*9.9*	*12.7*	*6.2*	*7.3*	*6.1*	*6.9*	*8.1*	*-0.8*	*26.2*	*4.4*	*20.3*	*48.9*
Hong Kong China	*8.4*	*7.8*	*7.5*	*7.3*	*7.5*	*6.1*	*5.5*	*5.5*	*5.1*	*4.8*	*13.8*	*6.5*	*6.2*	*-7.7*	*-10.8*
China Taipei	*3.9*	*4.0*	*3.3*	*4.1*	*4.6*	*2.9*	*2.8*	*2.4*	*2.8*	*2.9*	*-6.7*	*-2.4*	*7.2*	*7.3*	*15.8*
Korea	*3.7*	*4.7*	*6.1*	*4.9*	*4.8*	*2.7*	*3.3*	*4.5*	*3.4*	*3.1*	*-3.7*	*2.5*	*12.9*	*18.9*	*28.0*
India	**3.9**	**4.2**	**4.0**	**4.1**	**5.0**	**2.8**	**2.9**	**2.9**	**2.9**	**3.2**	**36.5**	**32.2**	**8.3**	**26.1**	**29.2**
Jumlah eksport	**137.9**	**142.6**	**136.7**	**143.2**	**156.6**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**7.5**	**12.6**	**11.5**	**9.5**	**13.6**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi eksport Malaysia terus didorong oleh pasaran serantau. Eksport ke negara serantau (tidak termasuk Jepun) berkembang 16.8% untuk mencakupi bahagian sebanyak 44.3% daripada jumlah eksport Malaysia. Prestasi eksport dirangsang oleh permintaan dari RR China, Singapura, Thailand dan Korea terhadap E&E, dan keluaran berasaskan sumber serta komoditi utama iaitu minyak sawit dan getah mentah. Eksport ke India juga meningkat 29.2%, didorong terutamanya oleh eksport keluaran E&E, minyak mentah dan keluaran petroleum yang ditapis serta minyak sawit.

Eksport ke negara rakan dagangan utama, iaitu AS dan Kesatuan Eropah (terutamanya Jerman, Belanda dan UK masing-masing meningkat 4.2% dan 29.9%, dan secara bersama mencakupi 32.1% daripada jumlah eksport. Pertumbuhan disebabkan terutamanya oleh peningkatan eksport keluaran E&E (mesin automasi memproses data, peranti separa konduktor, litar bersepadu, kelengkapan dan bahan ganti telekomunikasi), keluaran besi dan keluli, serta komoditi utama iaitu getah mentah. Eksport ke Asia Barat juga bertambah kukuh dan berkembang 20.4% (S2: 19.3%).

Komponen import pula terus diperoleh dari Singapura, RR China, Thailand dan Hong Kong. Import daripada negara serantau bertambah 12.5%, merangkumi terutamanya keluaran E&E, kimia dan keluaran kimia, pembuatan logam, dan keluaran besi dan keluli.

Import kasar terus tumbuh dengan mampan pada 11.5% (S2: 11.5%), mencerminkan pengimportan input untuk eksport perkilangan, dan perbelanjaan pengguna yang berterusan. Import **barangan pengantara** yang merupakan input untuk barangan perkilangan meningkat dengan kukuh sebanyak 12.4% (S2: 7.8%), dipacu terutamanya oleh import komponen E&E yang lebih tinggi, seperti elektronik dan alat ganti kelengkapan telekomunikasi. Import bahan mentah dan bahan diproses yang digunakan oleh industri makanan dan minuman, dan import bahan api dan pelincir, terus meningkat.

Pertumbuhan Import



Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan Tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**21.0**	**0.3**	**27.8**	**7.9**	**-6.4**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	18.6	5.3	16.1	2.3	1.4
Kelengkapan pengangkutan	39.4	-26.8	173.3	50.5	-57.1
BARANGAN PENGANTARA	**6.3**	**6.3**	**8.2**	**7.8**	**12.4**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	-6.7	6.9	29.0	28.0	24.8
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	1.8	0.6	1.2	0.9	22.9
Bahan api dan pelincir	24.5	32.2	21.1	40.1	45.2
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	5.3	5.6	9.2	7.2	1.4
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	39.4	11.3	8.8	-8.3	3.6
BARANGAN PENGGUNAAN	**5.2**	**4.2**	**14.0**	**12.8**	**15.3**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	5.8	-1.2	3.4	5.4	4.6
Kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	-0.9	17.5	23.6	16.4	-35.0
Barangan pengguna, t.s.t.l.	5.1	7.4	20.9	17.2	23.3
Barangan tahan lama	*6.3*	*12.3*	*31.3*	*-7.5*	*5.5*
Barangan separa tahan lama	*-3.0*	*5.1*	*27.4*	*41.6*	*46.8*
Barangan tidak tahan lama	*10.9*	*6.5*	*11.6*	*13.8*	*15.4*
BARANGAN DUA GUNA	**18.9**	**12.2**	**23.2**	**1.0**	**14.8**
LAIN-LAIN	**2.5**	**4.9**	**12.0**	**8.6**	**-25.1**
IMPORT TERTANGGUH	**8.5**	**5.4**	**11.6**	**7.9**	**9.1**
EKSPORT SEMULA	**10.2**	**53.4**	**52.7**	**92.8**	**62.0**
IMPORT KASAR	**8.6**	**7.5**	**13.7**	**11.5**	**11.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import **barangan modal** berjumlah RM15.9 bilion. Import barangan modal oleh industri tertentu terus mencatat pertumbuhan. Peningkatan kapasiti dan usaha meningkatkan keefisienan penggunaan bahan api dalam sektor perkilangan dipercepatkan. Ini paling jelas kelihatan dalam industri petrokimia, dengan pertumbuhan import mencerminkan peningkatan import jentera, penjana, turbin dan motor elektrik. Aktiviti penerokaan dalam industri minyak dan gas yang lebih giat juga telah mendorong import kelengkapan pembinaan dan perlombongan yang lebih tinggi.

Import **barangan penggunaan** naik 15.3% (S2: 12.8%) selaras dengan perbelanjaan pengguna swasta yang mampan dan permintaan yang lebih tinggi sebagai persediaan untuk musim perayaan. Pertumbuhan ini mencerminkan terutamanya peningkatan permintaan terhadap barangan pengguna separa tahan lama, khususnya pakaian dan kasut, dan barangan tidak tahan lama seperti ubat, sabun dan kosmetik. Aktiviti penerokaan dalam industri minyak dan gas juga telah menyumbang kepada pertumbuhan kukuh dalam import untuk tujuan dieksport semula (31.9%; S2: 46.7%). Paip besi dan keluli diimport, disalut bahan kalis hakisan dan dieksport semula.

Aliran masuk pelaburan langsung asing meningkat

Aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI) pada asas tunai meningkat kepada RM10 bilion (S2: RM9.1 bilion). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh aliran masuk modal ekuiti yang lebih banyak dan aliran masuk pinjaman antara syarikat. FDI dalam bentuk modal ekuiti adalah menyeluruh dan disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan, minyak dan gas, dan perkhidmatan. Dalam sektor perkilangan, aliran masuk FDI tertumpu terutamanya pada industri keluaran E&E, industri keluaran berkaitan petroleum, dan industri berkaitan kimia. Aliran masuk FDI kepada sektor perkhidmatan tertumpu terutamanya pada subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, dan subsektor restoran, hotel dan perdagangan borong dan runcit. Sementara itu, sebahagian besar daripada pinjaman antara syarikat adalah dalam bentuk pinjaman jangka pendek yang diberi syarikat asing kepada subsidiari mereka di Malaysia, khususnya subsidiari di sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, dan minyak dan gas. Sebahagian besar daripada pinjaman ini dibayar balik pada suku yang sama. Selepas pelarasan bagi aliran keluar kasar ekoran pembayaran balik itu, FDI bersih meningkat lebih sekali ganda kepada RM5.4 bilion (S2: RM2.5 bilion). Data FDI pada asas tunai tidak mengambil kira pelaburan semula perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

Pelaburan luar negeri syarikat Malaysia mencatat aliran keluar kasar yang lebih rendah sebanyak RM25 bilion pada suku ketiga (S2: -RM33.3 bilion). Aliran keluar ini mencerminkan terutamanya pemberian pinjaman jangka pendek yang lebih kecil oleh syarikat milik bukan pemastautin dalam sektor minyak dan gas kepada syarikat berkaitan mereka di luar negeri berikutan operasi perbendaharaan berpusat. Aliran keluar ini sebahagian besarnya diimbangi oleh aliran masuk daripada pembayaran balik pinjaman jangka pendek ini pada suku itu. Hasilnya, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM2 bilion (S2: -RM3.6 bilion). Sebahagian besar daripada aliran keluar bersih untuk pelaburan luar negeri adalah dalam bentuk modal ekuiti yang disalurkan terutamanya kepada sektor perkhidmatan, perkilangan, dan minyak dan gas. Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan luar negeri diterajui syarikat dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, dan pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi. Sementara itu, dalam sektor perkilangan, pelaburan luar negeri dibuat terutamanya oleh syarikat dalam industri automotif, industri berkaitan kimia, dan industri berkaitan kayu.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM3.1 bilion pada suku

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2005	2006	
	S3	S2	S3 [a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana & panjang	152.0	149.7	148.3
Sektor awam	90.6	86.2	83.7
Sektor swasta	61.4	63.5	64.6
Hutang jangka pendek[1]	50.7	48.4	49.4
Jumlah hutang luar negeri	202.7	198.1	197.7
- Bersamaan USD bilion	53.3	53.4	53.1

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

ketiga (S2: +RM0.9 bilion) mencerminkan aliran keluar ekuiti dan sekuriti hutang. Aliran masuk dan aliran keluar kasar pelaburan portfolio kekal pada paras yang tinggi seperti suku sebelumnya.

Hutang luar negeri menurun

Jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM197.7 bilion atau USD53.1 bilion pada akhir bulan September 2006 (S2: RM198.1 bilion atau USD53.4 bilion). Jumlah hutang luar negeri ini bersamaan dengan 37.6% daripada keluaran negara kasar (KNK). **Hutang jangka pertengahan dan panjang** berkurang kepada RM148.3 bilion (S2: RM149.7 bilion) disebabkan pembayaran balik bersih yang lebih tinggi oleh sektor awam. Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) khususnya, mencatat pembayaran balik bersih yang lebih tinggi sebanyak RM2.4 bilion (S2: -RM0.9 bilion). Ini ekoran pembayaran balik berjadual dan prabayaran beberapa pinjaman, terutamanya oleh syarikat dalam sektor minyak dan gas untuk mengurangkan tanggungan hutang mereka. Kerajaan Persekutuan juga membuat pembayaran balik bersih pinjaman luar negerinya (-RM0.2 bilion; S2: +RM0.1 bilion). Sektor swasta pula mencatat peminjaman bersih sebanyak RM1 bilion. Peminjaman dibuat terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkilangan, dan minyak dan gas.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** meningkat kepada RM49.4 bilion atau USD13.3 bilion (S2: RM48.4 bilion), kerana peminjaman sektor swasta bukan bank, terutamanya pinjaman antara syarikat, lebih tinggi. Pada akhir bulan September 2006, hutang luar negeri jangka pendek mencakupi 25% daripada jumlah hutang luar negeri dan merupakan 16.9% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM293.1 bilion atau bersamaan USD79.5 bilion pada 29 September 2006. Paras rizab ini juga mengambil kira peningkatan nilai rizab disebabkan pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan beberapa mata wang utama berbanding dengan ringgit. Rizab berjumlah RM294.1 bilion atau bersamaan USD79.8 bilion pada 15 November 2006. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh dan ialah 6.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan lebih tinggi

Operasi belanjawan Kerajaan Persekutuan yang mengembang terus menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri pada suku ketiga. Perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi disalurkan kepada sektor ekonomi dan perkhidmatan sosial. Jumlah perbelanjaan meningkat 38.4% dan ini telah menyebabkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal sebanyak RM5.8 bilion atau 4.1% daripada KDNK. Defisit ini dibiayai oleh peminjaman dalam negeri dan pengambilan aset boleh tunai. Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan meningkat 8% kepada RM245.8 bilion pada akhir bulan September 2006. Jumlah ini bersamaan 44.8% daripada anggaran KDNK bagi tahun 2006.

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2005		2006		
	S3	Jan-Sept	S2	S3	Jan-Sept
	RM bilion				
Hasil	26.4	74.1	33.0	31.9	89.1
% pertumbuhan	*7.3*	*15.6*	*24.2*	*20.8*	*20.2*
Perbelanjaan mengurus	23.0	62.3	21.6	28.8	67.7
% pertumbuhan	*15.3*	*11.7*	*-7.7*	*25.2*	*8.7*
Akaun semasa	**3.4**	**11.8**	**11.4**	**3.1**	**21.4**
% daripada KDNK	***2.6***	***3.2***	***8.5***	***2.2***	***5.3***
Perbelanjaan pembangunan kasar	4.4	13.1	5.2	9.1	16.4
% pertumbuhan	*-30.2*	*-28.8*	*-12.2*	*108.1*	*25.6*
Imbangan keseluruhan	**-0.8**	**-0.9**	**6.4**	**-5.8**	**5.5**
% daripada KDNK	***-0.6***	***-0.2***	***4.8***	***-4.1***	***1.4***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	27.3	75.4	26.8	37.8	84.1
% pertumbuhan	*4.5*	*1.6*	*-8.6*	*38.4*	*11.6*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	227.6	227.6	240.2	245.8	245.8
% daripada KDNK	*46.0*	*46.0*	*43.8*	*44.8*	*44.8*
Hutang dalam negeri	194.5	194.5	211.1	216.9	216.9
% daripada KDNK	*39.3*	*39.3*	*38.5*	*39.6*	*39.6*
Hutang luar negeri	33.2	33.2	29.1	28.9	28.9
% daripada KDNK	*6.7*	*6.7*	*5.3*	*5.3*	*5.3*

[a] Awalan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar antara bank secara relatif terus stabil, manakala kadar deposit tetap benar bertempoh matang lebih panjang, bertukar positif

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal tidak berubah pada 3.50% sepanjang suku ketiga, berikutan penyederhanaan inflasi dan data yang sedia ada menunjukkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang mampan.

Pada tempoh 3 Julai – 29 September, kadar antara bank semalaman purata secara relatif terus stabil dan bergerak dalam julat antara 3.48% - 3.56%. Sedikit ketidakstabilan sementara berlaku pada awal bulan September apabila beberapa peserta pasaran wang memperoleh dana sebagai persediaan untuk melanggan MGS apabila diterbitkan. Secara keseluruhan, kadar antara bank semalaman purata hampir kepada OPR. Peserta pasaran wang mengurangkan jangkaan kadar faedah mereka dan ini telah menyebabkan kadar antara bank 1 bulan menurun kepada 3.69% pada bulan Ogos. Seterusnya, kadar tersebut stabil sehingga akhir bulan September.

Dalam pasaran runcit, kadar pinjaman asas purata bank perdagangan tidak berubah pada 6.72%. Kadar pinjaman purata bank perdagangan yang lebih rendah berbanding dengan kadar pinjaman asas purata, memuncak pada 6.63% pada bulan Julai, dan secara relatif kekal stabil pada paras itu pada dua bulan seterusnya (S2: 6.55%). Sementara itu, kadar disebut purata bagi deposit tetap bank perdagangan untuk tempoh matang 1 bulan dan 12 bulan masing-masing pada 3.13% dan 3.77% (S2: 3.11% dan 3.77%).

Kadar Faedah

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Pada akhir tempoh (%)				
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.70	3.00	3.25	3.50	3.50
Kadar antara bank					
Semalaman	2.73	3.00	3.25	3.51	3.51
1 bulan	2.87	3.12	3.25	3.78	3.68
Kadar pinjaman asas (BLR)					
Bank perdagangan	5.98	6.20	6.47	6.72	6.72
Kadar pinjaman purata (ALR)					
Bank perdagangan	5.90	6.12	6.29	6.55	6.63
Kadar deposit tetap					
Bank perdagangan					
3 bulan	3.00	3.02	3.06	3.18	3.21
12 bulan	3.70	3.70	3.70	3.77	3.77

Purata Wajaran Harian Kadar Antara Bank Semalaman



Operasi Mudah Tunai BNM (Pada suku tahunan, RM juta)



Kadar Pemberian Pinjaman Bank Perdagangan
(Purata bagi tempoh)



Apa yang penting ialah kadar deposit tetap purata benar bagi bank perdagangan yang bertempoh matang 6 bulan, 9 bulan dan 12 bulan bertukar positif pada bulan Ogos apabila inflasi menurun.

Agregat monetari mencatat kadar pertumbuhan lebih tinggi

Kesemua agregat monetari terus mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi pada suku ketiga. Wang secara kecil atau M1 meningkat pada kadar tahunan 11.5% (S2: 10.1%), mencerminkan penempatan deposit permintaan dan mata wang yang dipegang sektor swasta yang lebih tinggi. Sementara itu, wang secara luas atau M3 meningkat pada kadar tahunan 7.9% (S2: 6.4%).

Dari segi penentu, tuntutan terhadap sektor swasta dan operasi luaran bersih bersifat mengembang terhadap M3. Tuntutan terhadap sektor swasta terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Pertumbuhan pinjaman terkumpul lebih perlahan dan pegangan sekuriti hutang swasta oleh sistem perbankan lebih rendah. Operasi luaran bersih memberikan kesan pengembangan yang lebih besar pada suku itu, disebabkan terutamanya oleh peningkatan aset luar negeri bersih sistem perbankan. Sementara itu, tuntutan bersih terhadap Kerajaan memberikan kesan penguncupan terhadap M3 kerana Kerajaan mendepositkan perolehan daripada terbitan MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) dengan Bank Negara Malaysia dan sistem perbankan.

Agregat Monetari



Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
M3	4.3	10.8	16.5	10.0	14.3
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-4.3	12.6	2.8	-11.2	-2.2
Tuntutan terhadap sektor swasta	15.0	14.2	4.9	15.0	6.7
Pinjaman	*15.7*	*8.6*	*6.9*	*12.2*	*9.2*
Sekuriti	*-0.7*	*5.6*	*-2.0*	*2.7*	*-2.5*
Operasi luar bersih[1]	-1.1	-23.7	14.0	11.3	11.9
BNM	*20.5*	*-34.7*	*10.8*	*14.2*	*2.0*
Sistem perbankan	*-21.6*	*11.0*	*3.2*	*-2.9*	*9.9*
Pengaruh lain	-5.3	7.6	-5.2	-5.1	-2.1

[1] Sebelum penilaian semula

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta lebih perlahan pada suku ketiga

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal menurun 6.9% pada asas tahunan kepada RM133.4 bilion pada suku ketiga (S2: +2.6% atau RM141.8 bilion). Tahap pembiayaan kasar yang lebih rendah ini menunjukkan kadar pengeluaran pinjaman oleh sistem perbankan yang lebih perlahan. Dana yang diperoleh melalui pasaran modal pada asas suku tahunan secara relatif stabil. Mengikut asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 7.9% pada akhir bulan September (akhir bulan Jun: 9.1%).

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2005	S3 05	S2 06	S3 06[a]	2005	S2 06	S3 06[a]
Jumlah pembiayaan kasar	**565.6**	**143.4**	**141.8**	**133.4**	**8.7**	**2.6**	**-6.9**
Pengeluaran pinjaman *	528.6	134.8	133.6	125.0	8.3	3.0	-7.3
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	30.8	7.7	7.8	7.9	20.3	28.5	3.4
Ekuiti	6.3	0.9	0.4	0.5	-2.5	-84.1	-39.2
Jumlah pembiayaan terkumpul (A)+(B)	**62.2**	**18.6**	**16.3**	**11.6**	**9.3**	**9.1**	**7.9**
Sistem perbankan	46.3	14.5	16.9	10.4	8.5	9.7	8.8
Pinjaman terkumpul (A)	44.2	14.4	13.0	9.6	8.6	8.6	7.5
Pegangan PDS	2.1	0.0	3.9	0.8	6.3	28.5	30.8
PDS terkumpul (B)	18.0	4.2	3.3	2.0	11.4	10.8	9.2
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	10.6	9.7	10.8	9.2	-70.9	37.8	-5.1

[a] Awalan
* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Antara penunjuk pinjaman utama, jumlah permohonan pinjaman daripada sektor isi rumah meningkat berbanding dengan suku sebelumnya. Ini disebabkan terutamanya permohonan yang bertambah untuk pembelian kereta penumpang dan harta kediaman. Kelulusan pinjaman kepada sektor isi rumah secara relatif kekal stabil berbanding dengan suku sebelumnya. Pinjaman yang diluluskan untuk pembelian kereta penumpang, dan pinjaman kad kredit, meningkat. Bagi sektor perniagaan, kelulusan bagi, dan permohonan pinjaman oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) lebih tinggi, masing-masing berjumlah RM18.8 bilion dan RM10.2 bilion.

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan %			
	2005	S3 05	S2 06	S3 06[a]	2005	S3 05	S2 06	S3 06[a]
Jumlah								
Permohonan pinjaman[n]	305.4	83.9	74.7	79.3	11.7	9.7	-7.6	-5.5
Kelulusan pinjaman[n]	192.2	54.4	48.6	46.7	10.7	16.6	2.2	-14.0
Pengeluaran pinjaman[n]	528.6	134.8	133.6	125.0	8.3	10.0	3.0	-7.3
Bayaran balik pinjaman[n]	488.5	121.5	122.9	115.3	5.8	2.8	2.0	-5.1
Perubahan pinjaman terkumpul*	44.2	14.4	13.0	9.6	8.6	9.2	8.6	7.5
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman[n]	153.1	42.2	40.5	41.1	6.8	0.1	-0.6	-2.4
Kelulusan pinjaman[n]	88.3	26.1	23.8	22.6	9.4	21.3	17.1	-13.3
Pengeluaran pinjaman[n]	375.1	94.8	92.2	88.3	7.0	9.3	0.3	-6.8
Bayaran balik pinjaman[n]	367.1	90.9	87.4	84.2	5.3	1.0	-3.9	-7.4
Perubahan pinjaman terkumpul*	6.5	4.9	6.0	3.0	3.0	3.9	4.2	3.3
PKS***								
Permohonan pinjaman[n]	59.7	17.3	18.0	18.8	10.3	13.9	t.b.	t.b.
Kelulusan pinjaman[n]	34.5	9.9	9.7	10.2	9.3	12.6	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman[n]	110.6	28.4	36.4	33.6	10.2	14.7	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul*	7.7	3.0	0.3	1.0	8.7	9.8	t.b.	t.b.
Syarikat besar***								
Permohonan pinjaman[n]	93.4	24.8	22.5	22.4	4.8	-7.6	t.b.	t.b.
Kelulusan pinjaman[n]	53.8	16.2	14.0	12.4	9.5	27.2	t.b.	t.b.
Pengeluaran pinjaman[n]	264.5	66.4	55.7	54.7	5.7	7.2	t.b.	t.b.
Perubahan pinjaman terkumpul*	-0.1	1.8	5.7	2.0	-0.9	0.0	t.b.	t.b.
Isi rumah								
Permohonan pinjaman[n]	152.3	41.8	34.2	38.2	17.2	21.5	-14.7	-8.6
Kelulusan pinjaman[n]	103.9	28.3	24.8	24.1	12.0	12.8	-9.0	-14.7
Pengeluaran pinjaman[n]	153.5	40.0	41.4	36.6	11.7	11.5	9.5	-8.4
Bayaran balik pinjaman[n]	121.4	30.6	35.5	31.1	7.6	8.5	19.7	1.5
Perubahan pinjaman terkumpul*	40.0	11.3	7.1	7.4	15.1	14.9	13.3	11.4

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.

** Berikutan pengelasan di bawah Sistem Statistik Institusi Kewangan (FISS) berkuat kuasa bulan April 2006, dan bagi mengekalkan kebolehbandingan pada asas tahunan bagi permohonan, kelulusan, pengeluaran dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluas dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain, iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil daripada jumlah pinjaman kepada perusahaan perniagaan.

*** Mulai S1 2006, penunjuk pinjaman bagi PKS dan syarikat besar tidak dapat dibandingkan pada asas tahunan kerana mulai bulan Mac 2006, institusi kewangan telah mula menerima pakai Definisi Standard PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, yang seterusnya menyebabkan beberapa pengelasan semula antara PKS dengan syarikat besar.

t.b. Tidak berkenaan.

n Angka tidak bercampur disebabkan penggenapan.

a Awalan. Data tertakluk kepada semakan, berikutan perubahan dalam klasifikasi penunjuk pinjaman mengikut sektor dan tujuan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Dari segi pengagihan pengeluaran pinjaman, hampir 44% daripada pinjaman disalurkan kepada syarikat besar, diikuti sektor isi rumah, dan PKS. Dari segi sektor ekonomi, sektor perkilangan menerima hampir satu perempat daripada kesemua pinjaman yang dikeluarkan pada suku ketiga, diikuti sektor borong, runcit, restoran dan hotel. Kredit penggunaan mencakupi hampir satu perlima daripada pinjaman yang dikeluarkan pada suku itu.

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



*Mulai Mac 2006, terdapat beberapa pengkelasan semula antara PKS dan syarikat besar, disebabkan institusi kewangan kini dalam proses mengadaptasi definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan.

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2005	S3 05	S2 06[a]	S3 06[a]***		
	RM bilion				%	
Perusahaan perniagaan *	375.1	94.8	92.2	88.3	70.7	39.7
Syarikat besar **	*264.5*	*66.4*	*55.7*	*54.7*	*43.8*	*22.2*
PKS **	*110.6*	*28.4*	*36.4*	*33.6*	*26.9*	*17.6*
Isi rumah	153.5	40.0	41.4	36.6	29.3	55.6
Mengikut sektor						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	13.8	4.0	3.5	3.5	2.8	2.2
Perlombongan dan kuari	1.6	0.4	0.7	0.5	0.4	0.3
Perkilangan	126.7	32.0	29.7	30.3	24.2	11.3
Pembinaan	30.4	8.0	7.8	7.6	6.0	5.3
Harta tanah	9.0	2.4	3.3	2.2	1.8	3.0
Bekalan elektrik, gas dan air	7.1	1.6	0.2	0.4	0.3	0.9
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	97.2	25.6	23.3	21.7	17.4	8.9
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	9.8	3.3	2.7	2.3	1.9	1.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	35.7	7.4	10.7	10.6	8.5	5.8
Kredit penggunaan	100.8	26.5	25.9	24.3	19.5	23.6
Antaranya:						
Kad kredit	*42.7*	*11.0*	*11.4*	*11.9*	*9.5*	*3.2*
Pembelian kereta penumpang	*39.2*	*10.7*	*8.8*	*8.4*	*6.8*	*15.8*
Jumlah	**528.6**	**134.8**	**133.6**	**125.0**	...	...

* Berikutan pengelasan di bawah Sistem Statistik Institusi Kewangan (FISS) berkuat kuasa bulan April 2006, dan bagi mengekalkan kebolehbandingan pada asas tahunan bagi permohonan, kelulusan, pengeluaran dan bayaran balik pinjaman, kategori bagi perusahaan perniagaan telah diperluas dengan merangkumi pinjaman kepada pelanggan lain, iaitu institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti bukan perusahaan perniagaan milik tempatan serta entiti asing. Pinjaman ini mencakupi sebahagian kecil daripada jumlah pinjaman kepada perusahaan perniagaan.

** Mulai S1 2006, penunjuk pinjaman bagi PKS dan syarikat besar tidak dapat dibandingkan pada asas tahunan kerana mulai bulan Mac 2006, institusi kewangan telah mula menerima pakai Definisi Standard PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, yang seterusnya menyebabkan beberapa pengelasan semula antara PKS dengan syarikat besar.

*** Berdasarkan sistem klasifikasi di bawah sistem Statistik Institusi Kewangan (FISS) berkuat kuasa bulan April 2006. Keterangan lanjut terkandung dalam Buletin Perangkaan Bulanan keluaran bulan Julai.

[a] Awalan. Data tertakluk kepada semakan berikutan perubahan dalam pengelasan penunjuk pinjaman mengikut sektor dan tujuan ekonomi.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada akhir suku ketiga, jumlah pinjaman terkumpul berkembang 7.5% pada asas tahunan (akhir S2: 8.6%). Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan dan isi rumah meningkat, masing-masing pada kadar tahunan 3.3% dan 11.4% (akhir S2: masing-masing 4.2% dan 13.3%).

Aktiviti pembiayaan daripada pasaran modal kekal penting

Aktiviti memperoleh dana dalam pasaran modal terus aktif pada suku ketiga. Jumlah bersih dana yang diperoleh sektor awam dan swasta dalam pasaran itu ialah RM3.8 bilion. **Sektor awam** memperoleh dana kasar sebanyak RM12.3 bilion daripada empat terbitan sekuriti Kerajaan; satu Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) 5 tahun; dua pembukaan semula MGS 3 tahun dan 10 tahun; dan satu terbitan baru MGS 20 tahun. Selepas pelarasan bagi penebusan semula, dana bersih yang diperoleh sektor awam pada suku itu lebih rendah, iaitu RM3.6 bilion (S2: RM7.4 bilion).

Dalam **sektor swasta**, dana kasar yang diperoleh daripada pasaran PDS berjumlah RM9.2 bilion (RM7.9 bilion jika tidak mengambil kira Cagamas). Dana itu terutamanya diperoleh melalui terbitan nota berjangka sederhana dan bon jangka panjang, yang masing-masing mencakupi 46% dan 42% daripada jumlah terbitan PDS. Pada asas bersih, dana yang diperoleh melalui pasaran PDS, tidak termasuk bon Cagamas, berjumlah RM2.4 bilion pada suku ketiga (S2: RM3.3 bilion).

Dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti berjumlah RM518 juta pada suku ketiga. Sejumlah besar daripada dana itu diperoleh melalui 10 tawaran awam awal yang berjumlah kira-kira RM371 juta. Pada suku itu, terdapat 12 penyenaraian baru di Bursa Malaysia dengan dua penyenaraian di Papan Utama, tiga di Papan Kedua, dan tujuh di Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (Malaysia Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation, MESDAQ).

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon meningkat

Dalam pasaran sekunder, jumlah urus niaga meningkat dengan nyata kepada RM114.9 bilion pada suku ketiga (S2: RM74.7 bilion). Sekuriti Kerajaan (MGS dan GII) mencakupi sebahagian besar daripada urus niaga (75% daripada jumlah dagangan), diikuti PDS dengan bahagian sebanyak 21%. Dari segi mudah tunai, GII ialah sekuriti paling cair, dengan mencatat nisbah mudah tunai 1.34.

Keluk kadar hasil tanda aras MGS menurun antara 33 – 89 mata asas bagi semua tempoh matang pada suku ketiga 2006. Penurunan itu disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah daripada jangkaan pada bulan Jun dan Ogos, yang menyebabkan pasaran menjangka OPR tidak akan diubah. Selain itu, tanggapan pasaran yang kenaikan nilai ringgit pada bulan September boleh mengurangkan inflasi yang diimport juga menyumbang kepada penurunan

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM juta				
Oleh Sektor Awam					
Sekuriti Kerajaan, *kasar*	8,233	6,500	5,265	5,741	9,324
Tolak Penebusan	2,450	4,850	500	1,300	8,200
Tolak Milikan Kerajaan	-	-	-	-	-
Bersamaan Penerimaan bersih Persekutuan	5,783	1,650	4,765	4,441	1,124
Khazanah Bon, *bersih*	-	-	(1,700)	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan, *bersih*	-	(1,000)	-	3,500	3,000
Bon Simpanan Merdeka, *bersih*	383	397	(500)	(502)	(495)
Dana Bersih yang Diperoleh	6,166	1,047	2,564	7,438	3,629
Oleh Sektor Swasta					
Saham	851	1,043	381	384	518
Sekuriti Hutang	9,726	15,161	10,574	10,784	9,233
Sekuriti Hutang Swasta (PDS)	9,726	13,801	6,889	8,819	7,933
Cagamas	-	1,360	3,685	1,965	1,300
Tolak Penebusan	5,627	4,701	5,498	7,684	9,590
Terbitan bersih	4,099	10,461	5,076	3,099	(356)
Terbitan bersih (tidak termasuk Cagamas)	6,359	9,851	2,993	3,314	2,404
Dana bersih yang Diperoleh	4,950	11,504	5,457	3,484	161
Jumlah Dana Bersih yang Diperoleh	11,116	12,552	8,022	10,922	3,790
Kertas dan Nota jangka pendek, *bersih*[1]	454	456	1,312	1,175	(577)
Jumlah	11,570	13,008	9,334	12,097	3,213

[1] Merujuk Nota Cagamas dan Kertas Perdagangan sahaja.

Terbitan PDS mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Arah Aliran Kadar Hasil MGS



keluk kadar hasil. Oleh itu, tebaran hasil suku tahunan MGS bertempoh 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun, masing-masing mengecil sebanyak 57, 61 dan 89 mata asas.

KLCI meningkat pada suku ketiga

Pasaran ekuiti global dan serantau bertambah kukuh pada suku ketiga 2006. Di Malaysia, Indeks Komposit Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Composite Index, KLCI) meningkat berikutan sentimen positif hasil daripada peruntukan projek pembinaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Bajet 2007 yang menyokong pertumbuhan. Bajet 2007 memperuntukkan pengurangan cukai pendapatan syarikat bagi tahun 2007 dan 2008. Selain itu, pertumbuhan KDNK pada suku kedua yang lebih kukuh daripada jangkaan, dan jangkaan inflasi yang menggalakkan juga menyumbang kepada prestasi KLCI yang bertambah baik.

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih Pada Suku Ketiga 2006 (30 Dis 2005 - 30 September 2006)



Bursa Malaysia: Urus Niaga Sekuriti Korporat

	2005				2006					
	S2		ST1		S1		S2		S3	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	25,824	40,423	55,867	96,684	45,988	53,671	57,775	68,662	37,040	49,741
Antaranya:										
Papan Utama	18,253	35,778	39,489	84,162	26,565	42,744	36,340	54,879	22,422	40,720
Antaranya										
Produk Pengguna	872	2,072	1,890	5,189	1,808	4,834	1,320	4,245	660	2,200
Produk Industri	2,996	3,076	7,825	8,842	3,147	3,133	5,201	5,432	3,410	3,787
Pembinaan	810	1,287	2,389	4,401	3,048	3,120	3,676	4,799	1,596	2,626
Dagangan/Khidmat	4,055	14,160	8,375	29,870	6,191	14,985	8,855	19,699	5,958	15,148
Kewangan	2,173	8,253	5,232	18,748	2,711	9,046	3,218	9,562	2,475	7,291
Harta benda	3,767	3,069	7,134	8,671	4,106	2,040	7,090	2,928	4,084	2,331
Perladangan	453	1,951	1,057	4,119	518	2,708	782	4,118	1,078	4,848
Perlombongan	0	7	0	8	0	1	0	1	1	17
Papan Kedua	4,194	2,960	9,731	8,546	5,837	4,532	6,792	5,304	3,853	2,758

Sumber: Bursa Malaysia

KLCI menokok 52.86 mata atau 5.8% (S2: -11.94 mata) untuk ditutup pada 967.55 pada akhir suku ketiga (akhir S2: 914.69). Permodalan pasaran pula meningkat kepada RM745.5 bilion (S2: RM721.79 bilion). Namun, aktiviti dagangan merosot, dengan urus niaga harian purata pada 573.9 juta unit pada suku itu (S2: 931.9 juta unit).

Pada 20 November 2006, KLCI meningkat lagi kepada 1,033.52 mata (sejak akhir tahun 2005: +14.9%). Permodalan pasaran juga lebih tinggi pada RM805.4 bilion (sejak akhir tahun 2005: +15.8%).

Perkembangan Kadar Pertukaran Asing

Pada suku ketiga 2006, pergerakan kadar pertukaran ringgit mencerminkan secara umumnya keadaan permintaan dan bekalan pasaran. Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS dalam suasana urus niaga yang terbendung oleh julat yang wujud (range-bound) pada suku itu. Selain aliran perdagangan dan pelaburan, ringgit turut dipengaruh oleh perkembangan mata wang negara perindustrian utama. Dolar AS disokong oleh aliran modal safe-haven sebagai tindak balas kepada perkembangan geopolitik di Timur Tengah dan Korea Utara, dan beberapa data ekonomi AS yang positif. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun berikutan penyusutan nilai mata wang Jepun dalam keadaan jangkaan yang menurun terhadap peningkatan kadar faedah selanjutnya.

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir				
	2005		2006		
	S2	ST1	S1	S2	S3
Indeks Harga					
Komposit	888.3	888.3	926.6	914.7	967.6
FBM30	-	-	-	5919.4	6260.4
EMAS	203.7	203.7	213.4	-	-
FBMEMAS	-	-	-	5973.7	6270.7
Papan Kedua	87.8	87.8	91.1	93.7	83.2
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	416.5	461.7	779.5	931.9	573.9
Nilai (RM juta)	652.0	797.0	909.7	1107.5	782.0
Permodalan pasaran (RM b)	688.6	688.6	732.9	721.8	745.5
Bilangan syarikat yang disenaraikan	990.0	990.0	1025.0	1026.0	1027.0

Sumber: Bursa Malaysia

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding Dengan Mata Wang Terpilih Peratus Pertukaran (1 Julai - 30 September 2006)



Prestasi Ringgit Berbanding Dengan Mata Wang Utama



Prestasi Ringgit Berbanding Dengan Mata Wang Serantau



Pada suku ketiga, ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.4% - 6%. Mata wang serantau disokong oleh aliran modal yang berterusan ke dalam ekuiti serantau dan aset berhasil tinggi. Mata wang serantau juga terjejas oleh faktor yang khusus bagi sesebuah negara. Peso Filipina, khususnya, mendapat manfaat daripada sentimen positif yang berterusan hasil daripada kedudukan kewangan kerajaan yang bertambah baik. Baht Thailand pula menambah nilai pada suku itu, meskipun berlaku penyusutan sementara mata wang itu sebagai kesan langsung akibat rampasan kuasa oleh tentera pada bulan September.

Pada tempoh 1 Oktober - 21 November 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama, selaras dengan aliran perdagangan dan perlaburan yang berterusan. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam julat 0.1% - 0.5%. Namun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan baht Thailand (1.6%) dan dolar Singapura (0.9%).

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh						% perubahan sejak*				
	30 Jun 97	02 Sept 98	21 Jul 05	S3 05	S2 06	S3 06	30 Jun 97	02 Sept 98	21 Jul 05	S3 05	S2 06
Dolar AS	2.5235	3.8000	3.8000	3.7692	3.6750	3.6845	-31.5	3.1	3.1	2.3	-0.3
Euro	-	-	4.6212	4.5421	4.6698	4.6821	-	-	-1.3	-3.0	-0.3
Paun sterling	4.1989	6.3708	6.6270	6.6438	6.7352	6.9171	-39.3	-7.9	-4.2	-4.0	-2.6
100 yen Jepun	2.2088	2.7742	3.3745	3.3359	3.1963	3.1279	-29.4	-11.3	7.9	6.6	2.2
Dolar Singapura	1.7647	2.1998	2.2570	2.2315	2.3126	2.3221	-24.0	--5.3	-2.8	-3.9	-0.4
100 baht Thailand	9.7470	9.3713	9.0681	9.1988	9.6104	9.8109	-0.7	-4.5	-7.6	-6.2	-2.0
100 peso Filipina	9.5878	8.8302	6.8131	6.7262	6.9047	7.3477	30.5	20.2	-7.3	-8.5	-6.0
100 rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0386	0.0366	0.0395	0.0399	160.2	-11.3	-3.3	-8.3	-1.0
100 won Korea	0.2842	0.2827	0.3665	0.3619	0.3856	0.3901	-27.1	-27.5	-6.0	-7.2	-1.2
Renminbi China	0.3045	0.4594	0.4591	0.4669	0.4598	0.4660	-34.7	-1.4	-1.5	0.2	-1.3

* (+) menunjukkan penambahan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan.

PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN

Sistem perbankan terus menunjukkan daya tahan dan kekukuhan kewangan didorong oleh penunjuk keteguhan utama yang meningkat pada suku ketiga tahun 2006. Permodalan yang lebih kukuh dan tahap keuntungan yang mampan dicatat dalam suasana pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) yang terus menurun.

Permodalan terus kukuh disebabkan asas modal yang lebih tinggi

Tahap permodalan sistem perbankan terus menggalakkan ekoran peningkatan asas modal sebanyak 3.1% berbanding dengan suku sebelumnya. Ini disebabkan terutamanya oleh pemasukan keuntungan akhir tahun oleh beberapa institusi perbankan. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras (core capital ratio, CCR) masing-masing meningkat kepada 13.2% dan 10.4%.

Sistem perbankan: Kedudukan Modal

	2005		2006		
	S3	S4	S1	S2	S3
Modal					
CCR (%)	10.7	10.7	10.0	10.2	10.4
RWCR (%)	13.5	13.7	13.1	13.0	13.2

Keuntungan berterusan

Sistem perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai (profit before tax, PBT) yang menggalakkan sebanyak RM3.8 bilion (+42.2%) hasil daripada pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi (+15%) menerusi aktiviti berkaitan pinjaman dan pembiayaan yang lebih kukuh (+12.9%), pendapatan perdagangan dan pelaburan bersih yang lebih tinggi, dan peruntukan kerugian pinjaman yang lebih rendah. Bagi sembilan bulan pertama tahun 2006, jumlah PBT meningkat 8.1% kepada RM9.6 bilion (Jan.-Sept. 2005: RM8.9 bilion). Hasilnya, pulangan tahunan atas aset purata dan ekuiti masing-masing meningkat kepada 1.3% dan 16.5% (S2 2006: masing-masing sebanyak 1.2% dan 15.5%).

Trend menurun NPL sistem perbankan berterusan

Paras NPL berdasarkan klasifikasi 3 bulan terus menurun. NPL bersih berkurang 5.5% kepada RM28.6 bilion (S2: RM30.2 bilion). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh jumlah NPL yang lebih rendah (-8.2%), dan hapus kira NPL yang lebih tinggi (+29.7%) pada suku itu. Oleh itu, nisbah NPL bersih menurun kepada 5.1% (S2: 5.4%).

Sistem perbankan: Pinjaman tidak berbayar



MALAYSIA: TREND PELABURAN LANGSUNG DI LUAR NEGERI

I. Pengenalan

Negara-negara membangun merupakan pengeksport modal yang semakin penting sejak tahun 1990an. Di rantau Asia, Malaysia ialah pengeksport modal keempat terbesar selepas Hong Kong China, Singapura dan China Taipei. Stok pelaburan langsung Malaysia di luar negeri meningkat daripada bahagian yang kecil sebanyak 0.8% daripada KDNK pada tahun 1980 kepada 5.8% pada tahun 2001 dan terus meningkat kepada 10.2% pada tahun 2005 (Carta 1). Syarikat di Malaysia mempunyai kefleksibelan untuk melabur di luar negeri hasil daripada peraturan pentadbiran pertukaran asing yang liberal, kadar tabungan dalam negeri yang tinggi, dan rekod pertumbuhan ekonomi yang kukuh, yang telah mendorong peningkatan dalam pengumpulan kekayaan dalam kalangan syarikat tempatan. Peningkatan pelaburan langsung di luar negeri telah menjana hasil yang positif seperti dicerminkan oleh pertambahan keuntungan dan dividen terakru syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri terutamanya sejak tahun 2002. Rencana ini meneliti trend pelaburan langsung di luar negeri[1] oleh syarikat yang beroperasi di Malaysia pada tempoh 1999-2005 berasaskan data Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai (Cash Balance of Payments, CBOP) Bank Negara Malaysia, yang mengambil kira aliran keluar dana melalui sistem perbankan, akaun antara syarikat, dan akaun luar negeri.

II. Tinjauan Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri

Pelaburan langsung Malaysia di luar negeri adalah menyeluruh. Syarikat[2] melabur dalam hampir kesemua sektor ekonomi di lebih 100 buah negara. Aliran keluar modal kasar bagi pelaburan di luar negeri adalah antara 2% hingga 4% daripada KDNK pada tempoh 1999-2005 (Carta 2). Pelaburan pada tahun-tahun awal dibuat terutamanya oleh syarikat berkaitan Kerajaan (Government-linked companies, GLC) yang berusaha mendapat akses kepada sumber asli seperti minyak dan gas, di samping melabur dalam sektor pertanian. Namun begitu, pada tahun-tahun kebelakangan ini, syarikat swasta bukan GLC merupakan pelabur luar negeri yang semakin aktif. Pelaburan tersebut didorong pelbagai faktor, termasuk usaha untuk mendapat akses pasaran; memperoleh akses kepada bahan mentah, aset strategik, jenama dan teknologi; serta desentralisasi operasi untuk mempelbagaikan risiko dan meningkatkan pulangan. Kemunculan negara kos rendah yang baru juga menyediakan pilihan kepada syarikat yang mempunyai tahap kebergantungan yang tinggi pada tenaga pekerja untuk menstrukturkan dan menjajarkan semula operasi

1. Mengikut Edisi Ke-5 Manual Imbangan Pembayaran Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) pelaburan langsung di luar negeri ialah satu bentuk pelaburan langsung, dengan syarikat yang melabur di luar negeri bertujuan mendapatkan kepentingan berpanjangan (didefinisikan sebagai pemilikan sekurang-kurangnya 10% daripada ekuiti syarikat) dalam perusahaan pemastautin negara lain. Di Malaysia, data pelaburan luar negeri, yang mengikut definisi IMF, dikumpulkan dan disiarkan secara suku tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pengumpul rasmi statistik Imbangan Pembayaran. Data ini termasuk pelaburan dalam bentuk ekuiti, perolehan yang dilaburkan semula dan modal lain (terutamanya pinjaman). Data ini berbeza daripada statistik yang dikumpulkan oleh Sistem Pelaporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai (Cash Balance of Payments, CBOP) Bank Negara Malaysia yang hanya merujuk aliran keluar dana dalam bentuk ekuiti dan pinjaman antara syarikat serta pemerolehan harta tanah yang dibuat melalui sistem perbankan, akaun antara syarikat dan akaun luar negeri. Bagi tujuan pengumpulan statistik imbangan pembayaran, jumlah modal yang dilaburkan atau jumlah pinjaman yang disalurkan ke subsidiari di luar negeri perlu ditolak jumlah modal yang dilaburkan atau disalurkan ke Malaysia oleh subsidiari di luar negeri. Pada masa ini, sistem CBOP tidak dapat mengasingkan jenis urus niaga ini.

2. Bagi tujuan analisis, syarikat diklasifikasikan sebagai GLC (perusahaan awam bukan kewangan, yang Kerajaan mempunyai ekuiti melebihi 50% dan dengan jumlah jualan sekurang-kurangnya RM100 juta), RCC (syarikat swasta yang pemastautin mempunyai ekuiti melebihi 50%), dan NRCC (syarikat swasta yang jumlah pemegangan saham oleh bukan pemastautin melebihi 50%).

Carta 1

Stok Pelaburan Langsung di Luar Negeri (% KDNK)



Sumber: Sumber Negara; Jabatan Perangkaan, Malaysia

Carta 2

Aliran Kasar Pelaburan Langsung ke Luar Negeri



Sumber: Bank Negara Malaysia

korporat pada peringkat global supaya terus berdaya saing. Sungguhpun Malaysia terus menggalakkan dan menarik pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) ke negara ini, namun Kerajaan juga memainkan peranan aktif untuk menyokong inisiatif syarikat yang menjalankan usaha niaga di luar negeri. Kerajaan Malaysia telah memulakan beberapa langkah kerjasama dengan kerajaan di negara lain untuk memperluas dan mendalamkan kerjasama ekonomi dan perindustrian melalui pengaturan dua hala, dan rundingan Pengaturan Perdagangan Bebas. Oleh itu, dalam tempoh beberapa tahun ini, skop pelaburan Malaysia di luar negeri semakin berkembang, daripada hanya penerokaan dan cari gali minyak dan gas, dan perladangan kelapa sawit, kepada industri lain termasuk telekomunikasi, perbankan dan kewangan, infrastruktur dan pembangunan harta tanah, perkilangan, penjanaan kuasa, dan industri berkaitan peruncitan (Carta 3).

Pelaburan langsung di luar negeri oleh syarikat yang dikuasai warganegara Malaysia (GLC, dan syarikat yang dikuasai pemastautin atau resident-controlled companies, RCC) dibuat terutamanya melalui pemerolehan saham ekuiti dan usaha sama dengan rakan kongsi asing di luar negeri termasuk pelaburan dalam projek baru (Carta 4). Sebahagian

Carta 3

Pelaburan Langsung di Luar Negeri Mengikut Sektor (1999-2005)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Carta 4

Pelaburan Langsung di Luar Negeri Mengikut Jenis Modal (1999-2005)



Sumber: Bank Negara Malaysia

besar daripada aliran pelaburan ini (kira-kira 70%) adalah untuk pelaburan ekuiti dan pemerolehan harta tanah. Sementara itu, sebahagian besar daripada pelaburan syarikat yang dikuasai bukan pemastautin (non-resident controlled companies, NRCC) adalah dalam bentuk pemberian pinjaman antara syarikat (90%) kepada syarikat yang berkaitan di luar negeri. Meskipun terdapat perbezaan dari segi cara pelaburan, kebanyakan syarikat berhemat dalam membiayai usaha niaga mereka di luar negeri. Dana yang dijana secara dalaman membiayai sebahagian besar daripada pelaburan NRCC di luar negeri, sementara pelaburan oleh RCC dan GLC dibiayai terutamanya oleh sumber dalaman (62%) dan peminjaman luar pesisir (26%).

Dari segi taburan pelaburan luar negeri mengikut kawasan geografi, kebanyakan pelaburan disalurkan ke negara yang lebih maju, seperti negara perindustrian (34%) dan Negara Perindustrian Baru Asia (Asian Newly Industrialised Economies, NIE Asia, 18%) (Carta 5 dan 6). Pelaburan di negara membangun dibuat terutamanya oleh GLC dan RCC. Sebahagian besar daripada pelaburan tersebut disalurkan ke rantau ASEAN dan Afrika serta negara tertentu di bahagian Asia lain (seperti Republik Rakyat China, India, Sri Lanka, Pakistan dan beberapa negara Asia Barat). Berbanding dengan destinasi lain, pelaburan ke negara membangun mencatat pertumbuhan tertinggi (25%) dengan bahagiannya daripada jumlah pelaburan meningkat dengan ketara, daripada 13% pada tahun 1999 kepada 31% pada tahun 2005. Aliran keluar pelaburan ke pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (international offshore financial centres, IOFC) termasuk Labuan IOFC, juga ketara dengan bahagian sebanyak 26%. Dana boleh labur dikumpulkan di IOFC sebelum disalurkan semula ke sektor ekonomi lain di banyak lokasi di dunia.

Carta 5

Pelaburan di Luar Negeri Mengikut Rantau (1999-2005)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Carta 6

Pelaburan Langsung di Luar Negeri Mengikut Rantau dan Jenis Pelabur (1999-2005)



Sumber: Bank Negara Malaysia

III. Trend Pelaburan Syarikat yang Dikuasai Warganegara Malaysia

Pelaburan oleh RCC swasta dan GLC mencakupi 61% daripada jumlah aliran keluar dana kasar untuk pelaburan langsung di luar negeri pada tempoh 1999-2005. Sebahagian besar pelaburan dibuat oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan (48%), diikuti syarikat perlombongan (31%), dan pertanian dan perkilangan (8% setiap sektor). GLC merupakan

pelabur utama dalam industri minyak dan gas, dan telekomunikasi, sementara RCC merupakan peneraju utama pelaburan dalam industri perkilangan, utiliti, perdagangan edaran, liburan, perladangan, pembinaan, dan perbankan dan kewangan.

Dalam sektor **perkhidmatan**, pelaburan tertinggi (43%) adalah dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, diikuti pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi (20%), utiliti (20%), dan perdagangan edaran, hotel dan restoran (12%). Sebahagian besar daripada pelaburan dalam subsektor ***kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*** mencerminkan aktiviti syarikat induk pelaburan (investment holding companies) yang ditubuhkan di IOFC untuk mengurus operasi pelaburan global secara berpusat. Selain itu, beberapa institusi kewangan juga menjalankan usaha niaga di luar negeri untuk bertapak dalam perniagaan broker saham dan bank pelaburan serantau atau antarabangsa. Pelaburan dalam subsektor ***pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*** dibuat terutamanya oleh syarikat dalam industri telekomunikasi melalui pengambilalihan dan usaha sama dengan syarikat telekomunikasi asing daripada lokasi berbeza termasuk Indonesia, Thailand, Perancis, Sri Lanka dan Bangladesh. Pelaburan ini didorong terutamanya oleh potensi pertumbuhan yang sangat besar memandangkan sebahagian besar daripada pasaran di sesetengah negara berkenaan belum diteroka. Dalam subsektor ***utiliti*** (elektrik, gas dan air), pelaburan utama termasuklah pemerolehan aset terkawal seperti syarikat perkhidmatan air dan loji jana kuasa di luar negeri. Syarikat tenaga negara juga telah mengatur dan memulakan usaha sama dalam projek tenaga merentas Asia sebagai satu daripada inisiatifnya untuk memperkukuh grid tenaga ASEAN melalui pengoptimuman sumber serantau.

Dalam subsektor ***perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran***, sebahagian besar pelaburan ke luar negeri adalah dalam industri perdagangan edaran dan hotel. Kebanyakan pelaburan tertumpu di negara perindustrian dan rantau Asia Timur, memandangkan jangkaan terhadap prospek pertumbuhan yang kukuh dan meningkat di negara-negara tersebut. Ini selanjutnya disokong ciri demografi yang positif dan pendapatan penduduk yang meningkat, yang akan menyediakan jumlah pelanggan yang berkembang dan yang menguntungkan. Pemborong yang melabur di luar negeri mengkhusus terutamanya dalam produk elektrik dan elektronik (E&E), bahan binaan, pelbagai produk pertanian seperti getah dan kayu balak, manakala sebahagian besar daripada peruncit menjual barang dagangan am, perkakasan dan perisian komputer, dan pelbagai produk isi rumah.

Pelaburan Malaysia di luar negeri dalam sektor **perlombongan** dibuat terutamanya oleh syarikat minyak negara yang merupakan sebuah GLC. Dengan didorong pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam aktiviti penerokaan dan cari gali minyak dan gas di Malaysia, dan jangkaan bahawa permintaan global terhadap tenaga semakin meningkat, syarikat ini melaksanakan strategi pempelbagaian dan pengembangan global. Kejayaan usaha niaga huluan global telah juga meningkatkan hasil dan rizab minyak dan gas asli antarabangsa syarikat ini. Pada tempoh 1999-2005, syarikat ini membuat pelaburan berkaitan petroleum di banyak lokasi di Afrika, Asia Barat, negara perindustrian, dan ASEAN. Pelaburan utama syarikat ini adalah dalam aktiviti penerokaan dan cari gali minyak dan gas asli, dan kebanyakannya diusahakan secara bersama dengan syarikat minyak nasional di negara tuan rumah.

Sementara itu, sebahagian besar daripada pelaburan dalam sektor **pertanian** adalah dalam ladang kelapa sawit. Indonesia telah dan terus menerima bahagian yang besar daripada pelaburan dari Malaysia untuk penanaman kelapa sawit selama lebih daripada satu dekad. Memandangkan permintaan global terhadap keluaran minyak sawit semakin meningkat, dan dengan pengalaman serta keupayaan teknikal syarikat Malaysia dalam pengurusan ladang dan pengeluaran minyak sawit mentah, syarikat Malaysia dijangka terus melabur di luar negeri untuk mendapat tanah ladang bagi menambah keluasan kawasan tanaman untuk meraih manfaat ekonomi ikut bidangan.

Dalam sektor **perkilangan**, banyak RCC swasta yang pada mulanya memasuki pasaran asing sebagai pengeksport, berubah menjadi pengilang di luar negeri. Syarikat tersebut mencari peluang pelaburan yang akan memaksimumkan nilai dalam rangka kerja risiko-pulangan mereka secara global. Pelaburan perkilangan di luar negeri tertumpu pada tiga industri utama, iaitu keluaran logam yang direka, jentera dan kelengkapan (48%); makanan, minuman dan tembakau (14%); dan industri berkaitan kimia dan petroleum (10%). Negara perindustrian dan rantau Asia menerima sebahagian besar daripada pelaburan dalam kumpulan ***keluaran logam yang direka, jentera dan kelengkapan***, yang terdiri daripada industri yang mengeluarkan perkakas elektrik dan kelengkapan isi rumah (seperti radio, televisyen, separa konduktor dan komponen elektronik lain), dan industri berkaitan kelengkapan pengangkutan. Syarikat dalam ***industri makanan, minuman dan tembakau*** juga melabur di negara perindustrian dan rantau Asia Timur meskipun beberapa syarikat, seperti syarikat pengilang dan penapisan gula lebih cenderung melabur melalui IOFC. Sementara itu, pelaburan dalam ***industri berkaitan kimia dan petroleum***, khususnya industri keluaran plastik, getah, dan berkaitan kimia, tertumpu di rantau ASEAN, terutamanya di Thailand, Indonesia dan Vietnam.

Banyak faktor yang mendorong pelaburan pengilang di luar negeri. Namun, pengilang E&E tertarik terutamanya kepada peluang menjadi pengeluar kos rendah di luar negeri. Oleh itu, syarikat berkenaan menggunakan strategi syarikat multinasional, iaitu pemisahan dan penempatan semula operasi intensif sumber ke lokasi kos rendah di luar negeri untuk mengekalkan daya saing produk. Syarikat lain yang memperoleh kepentingan dalam atau membentuk usaha sama dengan rakan niaga asing di luar negeri mampu menaiki rantaian nilai pengeluaran dan juga mempunyai pengurusan rantaian bekalan yang bersepadu. Hasrat untuk memperoleh aset fizikal seperti kemudahan perkilangan, teknologi tinggi dan kepakaran pengurusan, jenama dan hak tanda dagangan (trademark) bagi produk terkenal atau sumber penting juga telah mendorong syarikat untuk melabur di luar negeri. Untuk memanfaatkan kelebihan lokasi yang berhampiran dengan pelanggan dan pasaran, syarikat dalam industri makanan dan minuman telah membina kilang mereka di negara membangun yang mengalami pertumbuhan yang tinggi, dengan memanfaatkan sumber yang murah, dan permintaan terhadap makanan diproses yang tinggi dan mampan selaras dengan peningkatan am dalam pendapatan.

Sementara itu, syarikat **pembinaan** dan pembangunan harta tanah Malaysia mula mendapat tempat di luar negeri. Dengan didorong keperluan mencari sumber hasil baru di luar Malaysia, pelaburan mereka lebih menyeluruh. Pelaburan ini merangkumi pengambilalihan syarikat pembinaan terutamanya di United Kingdom dan Hong Kong

China, hinggalah kepada projek konsesi infrastruktur dan pembangunan harta tanah di negara membangun di Asia dan Afrika, terutamanya di India, Afrika Selatan, Republik Rakyat China, Kemboja dan Indonesia. Meskipun berhadapan dengan persaingan yang sengit, namun berlandaskan rekod pencapaian dan kepakaran dalam kejuruteraan awam, dan pembangunan serta pengurusan harta tanah, syarikat Malaysia berjaya mendapat projek pembangunan besar seperti pembinaan jalan, jambatan, pelabuhan, dan lapangan terbang, di samping projek lebih kecil lain seperti rumah kediaman dan perbandaran, dan projek pembangunan lain dalam sektor air, minyak dan gas.

IV. Trend Pelaburan Syarikat Dikuasai Bukan Pemastautin

Pada tempoh 1999-2005, kira-kira 39% daripada jumlah aliran keluar dana kasar untuk pelaburan adalah daripada NRCC. Namun, bahagian NRCC daripada jumlah aliran pelaburan merosot sejak beberapa tahun lepas, iaitu daripada 35% daripada jumlah pelaburan luar negeri pada tahun 1999 kepada 17% pada tahun 2005. Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh bertambahnya penyertaan GLC dan RCC swasta dalam pelaburan luar negeri. Sebahagian besar daripada pelaburan NRCC di luar negeri adalah dalam bentuk pinjaman antara syarikat kepada syarikat berkaitan di luar negeri (bahagian sebanyak 91%), disebabkan terutamanya oleh lebihan dana yang dijana daripada kejayaan operasi mereka di Malaysia. Pelaburan oleh syarikat dalam sektor **perkilangan** mencakupi lebih 60% daripada aliran pelaburan. Dalam sektor perkilangan, kebanyakan pinjaman disalurkan kepada syarikat yang berkaitan pengilangan separa konduktor dan komponen elektronik lain (53%), dan pembuatan radio, televisyen, perakam video dan peralatan lain (20%). Sebahagian besar daripada aliran keluar ini disalurkan ke Amerika Syarikat, Singapura dan Belgium.

V. Dasar Pelaburan Langsung Di Luar Negeri

Malaysia mengekalkan rejim yang liberal terhadap pelaburan luar negeri. Sebelum krisis Asia, pemastautin tanpa peminjaman dalam negeri bebas mengirim sebarang jumlah mata wang asing untuk pelaburan di luar negeri, manakala individu dan kumpulan korporat yang mempunyai peminjaman dalam negeri masing-masing dibenarkan melabur di luar negeri sehingga nilai bersamaan RM100,000 dan RM10 juta bagi setiap tahun kalendar. Bagi pelaburan yang memerlukan kelulusan, pelaburan itu perlu menjana manfaat ekonomi kepada Malaysia, seperti membantu Malaysia mendapat akses pasaran, menggalakkan penggunaan input Malaysia (bahan mentah, bahagian dan komponen), membantu pengeksportan produk atau perkhidmatan Malaysia, dan/atau melibatkan pemindahan teknologi dan pengetahuan ke Malaysia. Pada tempoh selepas krisis Asia, pendirian dasar terus liberal meskipun terdapat keperluan bagi pelabur pemastautin untuk mendapat kebenaran terlebih dahulu. Pada bulan April 2005, peraturan berhubung dengan pelaburan luar negeri terus dilonggarkan. Secara keseluruhan, garis panduan tersebut lebih liberal berbanding dengan garis panduan yang ada sebelum 1 September 1998. Syarikat pemastautin yang mempunyai peminjaman dalam negeri dibenarkan melabur di luar negeri dengan menggunakan dana mata wang asing yang terselenggara di Malaysia atau di luar pesisir. Di samping itu, syarikat pemastautin juga dibenarkan melindung nilai risiko pertukaran asing bagi pelaburan luar negeri mereka yang sedia ada dan yang baru.

Pelaburan di luar negeri turut dipermudah oleh penyertaan Kerajaan Malaysia yang aktif dalam forum serantau dan antarabangsa untuk memperluas kerjasama ekonomi dan perindustrian. Inisiatif lain termasuk insentif fiskal yang disediakan dan sokongan bukan kewangan seperti khidmat nasihat dan rundingan untuk mendapat projek pembinaan di luar negeri. Bajet 2007 baru-baru ini turut menggariskan beberapa langkah untuk membantu pembentukan syarikat multinasional milik warganegara Malaysia yang mempunyai operasi di peringkat global. Langkah ini termasuk penambahan modal berbayar EXIM Bank sebanyak RM2 bilion oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan peranan bank itu dalam menyediakan pembiayaan kepada syarikat tempatan yang melabur di luar negeri, dan penubuhan Dana Pelaburan Luar Negeri dengan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk membiayai kos permulaan syarikat tempatan yang menjalankan perniagaan di luar negeri. Di samping itu, Bank Negara Malaysia juga telah menubuhkan Dana Pembiayaan Projek Luar Negeri bernilai RM1 bilion melalui EXIM Bank pada tahun 2006. Dana ini bertujuan membantu syarikat Malaysia yang membida dan mendapat kontrak luar negeri, memperoleh akses kepada pembiayaan yang lebih luas dalam menjalankan projek mereka di luar negeri.

VI. Manfaat Pelaburan Luar Negeri

Pulangan pelaburan akan hanya dapat diraih dalam tempoh yang lebih panjang, memandangkan pelaburan luar negeri merangkumi pelaburan jangka panjang yang dibuat dalam persekitaran baru dan tertakluk kepada pelbagai risiko luaran seperti perubahan dasar kerajaan (termasuk undang-undang pemilikan), perubahan dalam kadar pertukaran, keadaan cuaca buruk, perubahan keadaan politik secara tiba-tiba, dan persaingan dengan peserta pasaran dalam negeri dan antarabangsa di negara tuan rumah.

Jumlah keuntungan, dividen dan faedah yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri meningkat daripada RM0.4 bilion pada tahun 1999 kepada RM4.1 bilion pada tahun 2005 (Carta 7). Peningkatan ini mencerminkan terutamanya pemulihan yang ketara dalam keuntungan dan dividen yang terakru kepada sektor bukan bank, sementara keuntungan dan dividen yang terakru kepada bank terus stabil. Secara keseluruhan, jumlah pendapatan pelaburan langsung yang diperoleh mencakupi kira-kira 26% daripada jumlah aliran masuk pendapatan pelaburan (termasuk pelaburan portfolio dan pelaburan bukan FDI lain) pada tahun 2005.

Carta 7

Keuntungan dan Dividen



Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

VII. Kesimpulan

Pelaburan luar negeri pada masa akan datang akan terus meningkat sejajar dengan trend ekonomi jangka panjang, yakni ekonomi yang semakin mewah akan kian menoleh ke luar negeri untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan aset dalam negeri. Tambahan lagi, ini akan terus disokong oleh kuasa globalisasi, dan liberalisasi peraturan pelaburan yang meluas di peringkat global. Kerajaan Malaysia akan terus mengambil pendirian yang positif terhadap pelaburan luar negeri untuk menyokong keperluan mobiliti modal yang lebih bebas dan meningkatkan daya saing keseluruhan syarikat Malaysia. Bagi sektor korporat, terdapat banyak peluang melangkaui sempadan negara, dan pelaburan luar negeri semakin dianggap sebagai strategi penting untuk memaksimumkan pertumbuhan syarikat dari segi hasil, keuntungan dan bahagian pasaran eksport.

Forum Penerbit dan Pelabur Kewangan Islam Malaysia 2006
14 Ogos 2006, Kuala Lumpur

Ucap Utama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati pada hari ini kerana dapat berada di sini untuk berucap di Forum Kewangan Islam Malaysia yang merupakan usaha bersama pihak berkuasa utama bagi pengawalseliaan dan pasaran sektor perkhidmatan kewangan di Malaysia, yang terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Labuan Offshore Financial Services Authority atau LOFSA) dan Bursa Malaysia. Forum ini bertujuan menyediakan platform bagi peserta industri dan pengawal selia berinteraksi dan berbincang tentang perkembangan terkini dalam kewangan Islam di Malaysia, prestasi pasaran kewangan Islam. Forum ini juga bertujuan memberikan kesedaran yang lebih meluas tentang produk dan perkhidmatan yang inovatif dan peluang-peluang bagi penerbit dan pelabur.

Kewangan Islam di Malaysia telah membangun dengan pesat dalam persekitaran pertumbuhan ekonomi yang semakin kukuh yang didorong oleh asas-asas yang teguh. Pertumbuhan itu dicapai dalam keadaan harga yang secara relatifnya stabil, pengangguran yang rendah dan imbangan luar negeri yang kukuh. Tabungan kekal berada pada paras yang tinggi dan rizab luar berada pada paras yang memuaskan, iaitu kira-kira USD80 bilion. KDNK per kapita dalam harga semasa meningkat dengan purata tahunan sebanyak 7.1% sejak tahun 1991 kepada kira-kira USD5,000 pada tahun 2005. Jika diambil kira kos sara hidup, pariti kuasa beli yang diselaraskan dengan KDNK meningkat sekali ganda kepada USD10,318 dalam tempoh tersebut. Momentum pertumbuhan ekonomi yang mampan itu dicapai melalui perkembangan struktur ekonomi yang pelbagai, memandangkan faktor kefleksibelan ekonomi negara telah meningkatkan keupayaan untuk beranjak ke bidang baru yang mempunyai kelebihan berbanding. Pembelbagaian dalam ekonomi ini jugalah yang telah meningkatkan daya tahan kekentalannya terhadap kejutan.

Malaysia juga telah memanfaatkan kelebihan globalisasi untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dan kewangannya dengan blok dagangan utama di dunia. Malaysia menjangkakan nilai perdagangan pada tahun ini akan melebihi **RM1 trilion** buat pertama kalinya. Pelaburan langsung asing kekal mapan, khususnya dalam bidang pertumbuhan. Usaha niaga syarikat dan institusi kewangan Malaysia di luar negara juga meningkat. Keadaan ini telah memperkukuh kesalinghubungan Malaysia dalam ekonomi global dan integrasi dalam sistem kewangan antarabangsa.

Malaysia telah mengambil peluang daripada suasana pertumbuhan yang menggalakkan dan asas-asas yang kukuh untuk terus melaksanakan penyahkawalseliaan dan liberalisasi sektor kewangan Malaysia, dengan tujuan untuk meningkatkan sumbangannya kepada kecekapan dan pertumbuhan. Sektor itu juga terus melalui transformasi progresif dalam perasionalan institusi kewangan sedia ada dan penubuhan institusi baru. Perkembangan ini telah menyumbang ke arah pengukuhan dimensi antarabangsa dalam sistem kewangan, terutamanya dalam sektor kewangan Islam. Dalam pembangunan sistem kewangan Islam, Akta Bank Islam 1983 Malaysia memperuntukkan taraf perbankan universal kepada bank-bank Islam berlesen. Bank-bank Islam ini dibenarkan menjalankan perniagaan perbankan yang menyeluruh, termasuk aktiviti perbankan pelaburan yang lebih canggih seperti kewangan korporat,

ekuiti swasta dan pengurusan kekayaan. Inovasi pembangunan produk dalam sektor inilah yang merintis jalan bagi peningkatan peluang dalam sistem kewangan Islam.

Sistem perbankan Islam Malaysia mencapai prestasi yang kukuh pada tahun 2005, dengan keuntungan yang lebih tinggi dan trend yang positif dalam kesemua penunjuk utama. Keuntungan sistem perbankan Islam melepasi paras RM1 bilion buat pertama kalinya pada tahun 2005, dan aset melepasi paras RM100 bilion. Modal sektor perbankan Islam terus kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko sektor ini kekal melebihi 12 peratus. Prestasi terkini pasaran kewangan Islam Malaysia menggalakkan dengan aset perbankan Islam berjumlah RM117.4 bilion, aset takaful RM6.2 bilion, dan bon korporat Islam RM125 bilion, yang mencakupi 46 peratus daripada jumlah pasaran bon korporat di Malaysia. Sejumlah 26 terbitan sukuk korporat baru dengan nilai agregat kira-kira RM23 bilion diumumkan pada separuh pertama tahun 2006. Jumlah ini bersamaan dengan 71 peratus daripada terbitan bon korporat pasaran domestik Malaysia yang diberi penarafan, bagi tempoh yang sama. Peningkatan dalam jumlah yang besar ini mencerminkan permintaan terhadap terbitan, yang menyediakan bekalan untuk pelabur.

Sekarang saya ingin menyentuh beberapa aspek penting pasaran kewangan Islam Malaysia bagi penerbit dan pelabur. Aspek ini berkait dengan mobiliti modal yang masuk dan keluar Malaysia, ketersediaan maklumat pasaran yang berkredibiliti dan bertepatan dengan masanya serta dan keupayaan pasaran kewangan Islam Malaysia untuk memberikan ruang bagi pempelbagaian produk dan pengurusan risiko yang lebih meluas.

Dalam aspek mobiliti modal, Malaysia mengekalkan rejim pentadbiran pertukaran asing yang sangat liberal. Fokus utama pentadbiran pertukaran asing adalah untuk memantau aliran dana bagi menggalakkan kestabilan kewangan dan ekonomi. Peraturan pentadbiran pertukaran asing diliberalisasikan dan dipermudah secara progresif sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos pengendalian perniagaan. Mobiliti dana keluar dan masuk yang berkaitan pelaburan langsung asing dan pelaburan modal portfolio adalah bebas. Pelabur asing yang melabur di Malaysia juga bebas untuk melindung nilai aliran dana mereka yang terikat seperti penghantaran balik perolehan pelaburan, dividen dan keuntungan dari Malaysia serta pembelian aset ringgit di Malaysia. Di samping itu, pelabur bebas mendapatkan ringgit dan mata wang asing untuk membiayai pelaburan mereka di Malaysia.

Langkah-langkah strategik juga diambil untuk membenarkan bukan pemastautin khususnya syarikat multinasional dan agensi pelbagai hala menerbitkan bon dalam denominasi ringgit di Malaysia. Dana ringgit yang diperoleh boleh digunakan sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia. Penerbit dan pelabur asing bebas untuk melindung nilai pendedahan pertukaran asing mereka daripada terbitan dan kadar faedah. Di samping itu, tiada cukai pegangan atas keuntungan terealisasi daripada pelaburan dalam bon denominasi ringgit ini. International Finance Corporation dan International Bank for Reconstruction and Development telah menerbitkan bon Islam pertama mereka di Malaysia. Jumlah terbitan tersebut bernilai RM1.3 bilion, yang kesemuanya terlebih langganan. Sebahagian daripada bon ini dibeli oleh pelabur bukan pemastautin, menandakan terdapatnya minat asing terhadap instrumen dalam denominasi ringgit.

Dari segi ketersediaan maklumat yang boleh dipercayai dan tepat pada masa, rangka kerja pengawalseliaan Malaysia diperkukuh dengan menerima pakai amalan terbaik, telah mewujudkan persekitaran yang lebih telus dan maklumat yang banyak berkaitan pasaran kewangan. Pengawal selia kewangan menyediakan maklumat yang meluas berkaitan ekonomi Malaysia dan sistem kewangan Malaysia, termasuklah keperluan pengawalseliaan. Bank Negara Malaysia juga telah mewujudkan beberapa

laman web yang menyediakan maklumat pasaran berkenaan terbitan-terbitan yang tersedia untuk peserta pasaran. Meskipun dari segi keupayaan untuk pempelbagaian dan pengurusan risiko sistem kewangan Islam masih lebih rendah berbanding dengan sistem konvensional, sistem itu dijangka berkembang seiring dengan pengukuhan sistem kewangan dan pengenalan produk baru.

Dalam konteks infrastruktur kewangan ini, sistem kewangan Islam Malaysia adalah teguh dan berkembang secara pesat. Pasarannya terdiri daripada peserta yang pelbagai, meliputi bank Islam, bank pelaburan, syarikat takaful, institusi kewangan pembangunan, institusi tabungan, syarikat pengurusan dana, broker saham dan unit amanah. Pasaran kewangan Islam Malaysia telah memperkenalkan pelbagai instrumen perlindungan nilai kewangan Islam, termasuk swap kadar keuntungan Islam, swap mata wang silang Islam dan perjanjian kadar hadapan Islam. Penggunaan urus niaga murabahah komoditi yang lebih meluas juga akan memperdalam pasaran wang Islam memandangkan ia mewujudkan pengagihan mudah tunai pasaran wang yang lebih efisien dan menambah kepelbagaian instrumen yang boleh diurusniagakan secara aktif oleh peserta pasaran.

Kami dengan sukacitanya mengumumkan Bank Negara Malaysia akan memperkenalkan urus niaga berasaskan murabahah tidak lama lagi sebagai tambahan kepada instrumen dasar yang pelbagai dalam pengurusan mudah tunai jangka pendek bagi pasaran wang antara bank secara Islam Malaysia. Urus niaga berasaskan murabahah Bank Negara Malaysia ini boleh menggunakan komoditi global atau Malaysia sebagai urus niaga asas, dan pada masa depan, aset lain yang berlandaskan Syariah menyamai nota sukuk Ijarah. Penggunaan meluas instrumen pembiayaan yang diamalkan secara global ini akan membawa kepada peningkatan penyertaan pasaran oleh para pelabur, termasuk pelabur dari Timur Tengah.

Inovasi produk hendaklah berterusan dan terancang. Sehubungan dengan itu, kami benar-benar komited untuk meningkatkan keupayaan dalam kewangan Islam dan memperkukuh kumpulan tenaga mahir dan kepakaran global di bidang kewangan Islam untuk meningkatkan potensi dalam melaksanakan usaha ini. Kami telah menubuhkan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance atau INCEIF) pada bulan Mac tahun ini, yang menawarkan program pensijilan profesional dalam kewangan Islam sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mencapai objektif ini di samping program Sarjana dan Doktor Falsafah. Baru-baru ini, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan Anugerah Biasiswa Syariah dan Geran Penyelidikan Syariah kepada rakyat Malaysia dan warga asing yang ingin menjalankan kajian penyelidikan di bidang kewangan Islam.

Rantau Asia Timur, Asia Barat dan Asia Tengah: Kesalinghubungan Yang Lebih Meluas

Kewangan Islam telah mencapai kemajuan penting dalam pasaran kewangan antarabangsa dengan peningkatan kesedaran yang ketara pada peringkat global. Kini kewangan Islam wujud di lebih 60 negara dengan jumlah aset Islam di bawah pengurusan bank-bank Islam dan bank-bank konvensional yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam dilaporkan melebihi USD400 bilion. Pada masa ini, dana mutual berlandaskan Islam dianggarkan bernilai lebih daripada USD300 bilion, manakala terbitan bon berdaulat dan korporat secara Islam, atau sukuk, telah mencecah kira-kira USD50 bilion. Kewangan Islam telah mempamerkan daya maju dan daya saingnya dalam persekitaran semasa sistem kewangan yang lebih liberal dan global, dengan suasana perniagaan dan teknologi yang berubah. Kini kewangan Islam semakin bersepadu dengan sistem kewangan antarabangsa sebagai suatu bentuk pengantaraan kewangan.

Berikutan perkembangan pesat dalam pasaran kewangan Islam antarabangsa, terdapat potensi untuk membina hubungan pengantaraan yang lebih meluas antara rantau Asia Timur, Asia Barat dan Asia Tengah bagi meningkatkan lagi perdagangan antara rantau dan pelaburan sempadan. Dalam persekitaran kewangan yang semakin global, kerajaan asing, institusi pembangunan dan korporat dari negara-negara yang mengalami defisit modal mempunyai pilihan untuk menerbitkan instrumen kewangan Islam di negara-negara yang mempunyai lebihan modal melalui pengantara kewangan Islam. Manfaat ekonomi yang ketara akan terhasil daripada pengukuhan hubungan ini.

Peningkatan hubungan pengantaraan dan pasaran antara rantau ini akan mendorong peruntukan modal yang lebih cekap, lantas meningkatkan prospek prestasi pertumbuhan yang kukuh. Peningkatan hubungan ini juga terus menawarkan peluang yang lebih banyak untuk memperoleh pembiayaan dan turut membantu memperluaskan pempelbagaian risiko secara khususnya, prestasi pertumbuhan yang kukuh dalam rantau ini mewujudkan potensi permintaan yang ketara terhadap instrumen kewangan yang mematuhi injunksi Islam. Justeru itu, rantau yang dinamik ini dijangka dapat menyumbang ke arah mempercepat pengembangan kewangan Islam dalam sistem kewangan antarabangsa. Malahan, trend ini juga akan menyumbang ke arah penggalakan pertumbuhan global yang lebih seimbang.

Penyertaan dalam proses pengantaraan kewangan Islam memerlukan pembangunan sistem kewangan Islam yang komprehensif dan mantap, kepelbagaian produk dan perkhidmatan; sistem perundangan yang baik; infrastruktur kewangan yang mencukupi dengan struktur cukai yang kompetitif; kos pengendalian perniagaan yang rendah; standard etika perniagaan yang tinggi; dan keadaan hidup serta budaya yang kondusif. Penyertaan ini juga perlu disokong oleh tenaga mahir yang mencukupi, yang akan memacu perniagaan dan mendorong inovasi. Di samping itu, rejim pengawalseliaan yang kukuh dalam sistem kewangan Islam boleh menjadi faktor penarik tambahan. Yang terkini, rejim pengawalseliaan dalam kewangan Islam telah diperkukuh dengan pencapaian pesat pengeluaran standard kehematan dan penyeliaan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board atau IFSB). Penjanan dana, pelaburan dan pempelbagaian risiko pada dasarnya merupakan urus niaga yang kompleks. Urus niaga itu amat bergantung pada pasaran kewangan yang dikawal selia dengan baik dan mampu berkembang bagi menghadapi cabaran baru yang muncul dan keperluan pasaran yang berubah-ubah. Akhirnya, potensi untuk pasaran berfungsi dengan cekap boleh dipertingkatkan jika pasaran kewangan dibangunkan dalam persekitaran kewangan dan monetari yang stabil, serta pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Inisiatif MIFC

Bagi meningkatkan kesalinghubungan dalam pasaran kewangan Islam global, Malaysia meneruskan usaha melaksanakan langkah-langkah dan inisiatif yang akan memperkukuh kedudukan negara sebagai hab kewangan Islam antarabangsa, selain usaha membangunkan lagi infrastruktur kewangan Islam. Oleh itu, Kerajaan Malaysia melancarkan suatu inisiatif yang dikenali sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre atau MIFC). Inisiatif MIFC ini diambil secara khususnya melalui usaha secara kolektif pengawal selia kewangan dan pasaran negara, termasuk Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, LOFSA dan Bursa Malaysia, bersama-sama dengan penyertaan industri yang mewakili sektor perbankan, sektor takaful dan pasaran modal di Malaysia. Produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang diurusniagakan dalam mata wang antarabangsa kini boleh dilakukan dari mana-mana tempat di Malaysia sebagai sebahagian daripada inisiatif itu. Malaysia mempunyai infrastruktur fizikal, hubungan antarabangsa, rangkaian komunikasi, budaya dan tenaga mahir yang memberikan kelebihan kepada MIFC.

Dalam fasa pertama ini, langkah-langkah dan insentif akan diperkenalkan melalui inisiatif MIFC untuk mempromosikan pusat itu dalam penawaran produk dan perkhidmatan kewangan Islam oleh pelbagai jenis institusi kewangan dalam mata wang antarabangsa kepada komuniti kewangan antarabangsa dan domestik. Langkah-langkah dan insentif utama termasuk:

i. Pertama, bank-bank Islam Malaysia dan pengendali takaful yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam dalam mata wang antarabangsa akan diberikan kelulusan di bawah lesen yang ada untuk menubuhkan **Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa** dalam institusi itu. Bahagian-bahagian baru ini akan mempunyai akaun mereka masing-masing yang berasingan daripada urus niaga ringgit ibu pejabat, dan pada masa yang sama berkongsi infrastruktur dengan ibu pejabat. Bahagian ini akan mendapat manfaat daripada insentif cukai dan insentif lain yang akan diperkenalkan.

Insentif ini adalah terpakai bagi bank-bank Islam dan pengendali takaful yang dilesenkan masing-masing di bawah Akta Bank Islam dan Akta Takaful untuk beroperasi dalam sistem kewangan Islam. Di samping itu, langkah ini turut terpakai bagi institusi kewangan sedia ada yang layak menyertai perkhidmatan kewangan Islam. Insentif ini juga dijangka meningkatkan kemampuan peserta asing yang telah menjadikan Malaysia sebagai pusat untuk perniagaan perkhidmatan kewangan Islam di pasaran serantau. Entiti antarabangsa juga boleh menyertai MIFC menerusi kepentingan asing sehingga 49 peratus dalam bank Islam dan syarikat takaful. Dana pelaburan yang ditubuhkan di Malaysia akan dapat menikmati Perjanjian Cukai Dua Kali yang telah dimeterai antara Malaysia dengan lebih 60 negara rakan rundingan.

ii. Kedua, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan **lesen bersyarat** baru **di bawah Akta Bank Islam** kepada institusi kewangan asing dan Malaysia yang layak untuk menjalankan pelbagai perniagaan perbankan Islam dalam mata wang antarabangsa dan menikmati **insentif cukai** yang sama seperti yang diberikan kepada Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa. Entiti baru ini akan digelar **bank Islam Antarabangsa berlesen.**

Perniagaan yang boleh dijalankan oleh bank Islam Antarabangsa berlesen termasuk pelbagai perniagaan perbankan perdagangan Islam, perbankan pelaburan Islam dan pajakan Islam dalam mata wang antarabangsa.

iii. Ketiga, Bank Negara Malaysia juga akan mengeluarkan **pendaftaran bersyarat** baru **di bawah Akta Takaful** kepada penanggung insurans asing dan Malaysia yang layak untuk menjalankan pelbagai perniagaan takaful dalam mata wang antarabangsa. **Layanan cukai** yang sama akan diberikan kepada entiti ini seperti yang diberikan kepada bank-bank Islam. Entiti baru ini akan digelar **Pengendali Takaful Antarabangsa**.

iv. Keempat, bank Islam luar pesisir Labuan dan bahagian Islam bank-bank luar pesisir serta pengendali takaful luar pesisir akan diberikan fleksibiliti yang lebih luas dalam operasi perniagaan. Mereka dibenarkan **membuka pejabat operasi di mana-mana tempat di Malaysia** tanpa had jumlah kakitangan, untuk menjalankan perniagaan bukan ringgit di samping mengekalkan operasi mereka di Labuan. Langkah ini akan diberikan kepada enam buah bank Islam dan bank pelaburan Islam luar pesisir sedia ada yang beroperasi di pusat luar pesisir Labuan untuk menyertai MIFC.

v. Kelima, insentif akan diberikan **untuk menarik tenaga mahir asing dan peserta pasaran terbaik ke MIFC** bagi menggalakkan inovasi dan menawarkan instrumen kewangan Islam yang menarik. Usaha ini bertujuan untuk terus memperkukuh bilangan pekerja terlatih dengan pengalaman luas dalam kewangan Islam di Malaysia. Insentif seterusnya akan diperkenalkan untuk menerajui aspirasi membangunkan Malaysia sebagai **pusat kecemerlangan pendidikan dalam kewangan Islam** bagi melengkapi MIFC.

vi. Keenam, bagi meneruskan agenda nasional ini, **Jawatankuasa Eksekutif MIFC** yang terdiri daripada ketua-ketua Kementerian dan agensi yang berkaitan serta wakil industri ditubuhkan sebagai jawatankuasa penyelarasan tunggal untuk bertindak secara kolektif dengan cekap dan berkesan dalam melaksanakan cadangan-cadangan yang dibuat. Jawatankuasa itu diamanahkan menyediakan hala tuju dan mengkaji semula dasar sedia ada bagi mempromosikan MIFC secara lebih komprehensif dan terselaras, dan untuk menjajarkan peranan dan tanggungjawab bahagian-bahagian Kerajaan dan industri tertentu dengan pembangunan MIFC. Bank Negara Malaysia sebagai sekretariat akan bertindak bagi pihak jawatankuasa itu sebagai **badan sehenti** bagi menjalankan tugas ini.

Kami yakin langkah-langkah dan inisiatif ini akan menjadi pemangkin dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat originasi, terbitan dan dagangan instrumen pasaran modal dan perbendaharaan Islam, pengurusan dana dan kekayaan Islam, perkhidmatan kewangan Islam dalam mata wang antarabangsa, dan perniagaan takaful dan takaful semula. Matlamat langkah-langkah ini juga adalah untuk meletakkan Malaysia sebagai pintu masuk untuk mendapatkan peluang pelaburan dalam rantau yang pesat berkembang ini.

Dalam persekitaran ini, peserta kewangan, terutamanya mereka yang mempunyai kepakaran perbankan pelaburan dan pengurusan dana, perlu memantapkan strategi dan meningkatkan usaha dalam penstrukturan instrumen pelaburan Islam yang canggih, dan dalam usaha menarik dana baru. Para pelabur, terutamanya dari Timur Tengah, menunjukkan minat yang mendalam untuk melabur dalam aset Malaysia dan menjadi rakan kongsi dalam perusahaan perniagaan tempatan. Oleh itu, terdapat peluang yang banyak bagi memperkukuh hubungan perdagangan dan pelaburan dengan rantau Timur Tengah. Berhubung dengan penerimaan interpretasi dan amalan Syariah, MIFC akan menerima pakai dasar pengiktirafan bersama dan menyesuaikan pelbagai rasional perundangan berdasarkan analisis kontemporari dan inferens logik selagi mendapat kelulusan penasihat Syariah yang diiktiraf. Penyeragaman dan perkongsian ilmu dalam Syariah dijangka dipertingkatkan lagi dengan dialog Syariah yang berterusan bagi komuniti Syariah serantau dan antarabangsa yang diadakan setiap tahun di Malaysia.

Perhimpunan selama dua hari yang dihadiri oleh para pengamal kewangan Islam ini untuk membincangkan pelbagai perkara berkaitan penerbit dan pelabur akan menyumbang kepada peningkatan pemahaman secara kolektif terhadap isu-isu ini serta memperluas sempadan pengetahuan sedia ada. Sebagai penutup, saya ingin menyatakan bahawa motivasi untuk meningkatkan misi kita bagi menyepadukan Malaysia dalam sistem kewangan antarabangsa adalah untuk menyumbang ke arah memudahkan aliran merentas sempadan yang lebih luas dari segi peningkatan urus niaga perdagangan dan pelaburan antara rantau. Dengan pengukuhan aliran perdagangan dan pelaburan antara rantau, hubungan ekonomi dan kewangan serantau yang lebih luas akan menyumbang ke arah peningkatan prospek pertumbuhan global yang lebih seimbang dan perkongsian kemakmuran secara lebih luas.

Sesi Dialog 2006 dengan Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful 22 Ogos 2006, Kuala Lumpur

"Berkedudukan Strategik dalam Persekitaran yang Semakin Berubah"

Ucap Utama oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Dalam persekitaran yang pesat berubah, pemikiran semula masa depan dan berkedudukan strategik perlu diberi keutamaan. Berkedudukan strategik bukan hanya perlu bagi menghadapi cabaran yang baru muncul, malah lebih penting lagi, ia perlu dijadikan sebahagian daripada proses mencorakkan masa depan.

Perubahan yang berlaku adalah dalam pelbagai bidang.

- Dalam persekitaran yang semakin meningkat tahap kesejagatannya, negara-negara semakin berhubung kait dan berintegrasi.

- Ekonomi Malaysia terus mengalami perubahan struktur yang ketara, ke arah bidang pertumbuhan yang baru dan bidang yang mempunyai faedah berbanding.

- Pengguna semakin bijak menilai kepelbagaian dan kualiti produk dan perkhidmatan kewangan.

- Sistem kewangan sedang beralih ke arah persekitaran yang lebih kompetitif, memandangkan pengaturan keinstitusian semakin dinyahkawal selia dan liberal.

- Kemajuan teknologi membolehkan lebih banyak inovasi dalam pembangunan produk dan perkhidmatan kewangan, proses operasi, dan saluran penyampaian.

- Pendekatan pengawalseliaan yang bertujuan mengekalkan kestabilan kewangan semakin berasaskan prinsip dan risiko.

Dengan perubahan pesat tersebut, inilah masanya untuk menilai isu-isu yang baru muncul dalam industri insurans dan takaful.

Saya mengalu-alukan kehadiran anda ke sesi dialog antara Bank Negara Malaysia dengan industri insurans dan takaful tahun ini untuk membincangkan cabaran dan peluang yang timbul daripada persekitaran yang berubah-ubah. Setahun yang lalu, fokus perbincangan tertumpu pada isu strategik yang dihadapi industri apabila kita beralih ke persekitaran pasaran yang lebih kompetitif. Penekanan ketika itu adalah pada pengharapan terhadap industri untuk menyediakan tawaran yang saksama kepada pengguna, kerelevanannya dalam persekitaran yang berubah-ubah, dan kesediaannya dari segi kapasiti, serta untuk menyokong dan mengekalkan strategi yang berkesan bagi mencapai pertumbuhan. Tema dialog tahun ini tertumpu pada bagaimana industri seharusnya menempatkan dirinya pada kedudukan yang baik bagi menghadapi cabaran baru, namun begitu, secara khusus dialog ini akan menangani isu-isu berkaitan peralihan ke arah rejim pengendalian pasaran yang berasaskan risiko dan lebih terkawal kendiri (self-regulated), dan pembangunan sistem dwikewangan bagi industri insurans dan takaful.

Dialog tahun ini dianjurkan bersama oleh industri dan Bank Negara Malaysia. Penglibatan aktif industri adalah penting untuk memastikan acara penting ini berjaya. Dialog ini menyediakan peluang untuk perbincangan antara pihak industri dengan BNM tentang isu-isu strategik yang dihadapi industri dalam persekitaran yang berubah-ubah, dari perspektif berbeza. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk berkongsi dengan anda beberapa perkembangan terkini ekonomi dan kewangan, dan inisiatif dasar utama yang diambil oleh Bank Negara Malaysia.

Prestasi ekonomi global tahun 2006 sehingga kini adalah menggalakkan. Pertumbuhan ekonomi utama, termasuk Jepun dan Eropah, lebih seimbang. Namun, ekonomi dunia sedang berhadapan dengan tempoh harga tenaga tinggi yang berpanjangan dan kesannya terhadap inflasi. Kadar faedah kebanyakan negara telah dinaikkan ekoran perkembangan ini. Pertumbuhan ekonomi Asia terus teguh dan berdaya tahan biarpun risiko pertumbuhan lebih perlahan sedang muncul dalam beberapa ekonomi utama. Trend ini bukan sahaja meningkatkan kepentingan Asia secara relatif dalam ekonomi dunia, malah turut menyumbang kepada pertumbuhan global yang lebih seimbang.

Ekonomi Malaysia telah mendapat manfaat daripada persekitaran luar negeri yang menggalakkan ini. Pertumbuhan disokong oleh prestasi eksport yang kian kukuh, yang diperkuat permintaan dalam negeri yang teguh. Permintaan dalam negeri juga terus didorong sektor swasta. Penggunaan dan pelaburan swasta kekal sebagai sumber pertumbuhan yang penting. Khususnya, pelaburan swasta yang berterusan adalah penting bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dalam jangka panjang, dapat dicapai.

Fokus dasar monetari dalam persekitaran ini terus menjurus ke arah mencapai kestabilan makroekonomi. Kos tenaga yang meningkat telah mengakibatkan kenaikan harga pengguna baru-baru ini. Dalam persekitaran ini, kadar faedah telah dinaikkan sebanyak tiga kali. Namun, pada bulan Mei tahun ini, Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa kenaikan kadar faedah tidak perlu diteruskan buat sementara waktu. Inflasi dijangka sederhana pada separuh kedua tahun ini memandangkan tanda-tanda inflasi didorong oleh permintaan adalah terhad. Di samping itu, faktor yang akan menjadi pertimbangan penting dalam hala tuju kadar faedah masa depan ialah sejauh mana harga tenaga yang lebih tinggi dan kadar faedah yang meningkat akan menjejaskan persekitaran luar negeri, serta implikasinya terhadap ekonomi Malaysia. Risiko terhadap inflasi yang lebih tinggi dan terhadap prospek pertumbuhan akan dipertimbangkan dengan teliti. Dasar monetari akan terus menggalakkan pertumbuhan yang mampan dalam persekitaran harga yang stabil.

Sejak sesi dialog setahun lalu, landskap kewangan terus mengalami transformasi. Industri kewangan domestik telah menyaksikan lebih banyak langkah rasionalisasi dan penggabungan dalam kumpulan perbankan, dalam perbankan runcit dan perbankan pelaburan. Rasionalisasi industri perbankan runcit akan mendapat manfaat daripada ekonomi ikut bidangan, mengurangkan duplikasi sumber, dan menggalakkan kecekapan kos. Rangka kerja bank pelaburan yang baru dijangka mewujudkan pengantara pasaran modal yang lebih cekap, berkesan, dan berdaya tahan. Pada dasarnya, rangka kerja ini akan menghasilkan penggabungan 32 entiti menjadi 16 buah bank pelaburan menjelang hujung tahun ini. Satu perkembangan penting lain pada tahun 2005 ialah penubuhan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang akan memperkukuh lagi infrastruktur kewangan domestik dengan menyediakan jaminan deposit yang eksplisit, dan pada masa yang sama, memperteguh insentif bagi pembaikan amalan pengurusan risiko oleh institusi perbankan. Institusi kewangan pembangunan juga telah diperkukuh bagi memastikan institusi tersebut lebih fokus dan saling melengkapi dari segi

matlamat dan strategi perniagaan mereka. Ini bertujuan menggalakkan peningkatan akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan (financial inclusion) dalam sistem kewangan kita. Inisiatif utama pada tahun itu adalah untuk menggalakkan peningkatan akses kepada pembiayaan bagi sektor pertumbuhan baru, dan perusahaan kecil dan sederhana, termasuk perusahaan mikro. Ini bertujuan meningkatkan potensi dan kapasiti perusahaan tempatan untuk berkembang, dan seterusnya meningkatkan sumbangan mereka kepada ekonomi.

Dalam bidang perbankan dan kewangan Islam, inisiatif dasar telah dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa tersohor. Pada awal bulan ini, Kerajaan Malaysia melancarkan inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Financial Centre, MIFC). Inisiatif ini bertujuan membina hubungan pengantaraan yang lebih luas antara rantau Asia Timur, Asia Barat dan Timur Tengah, yang seterusnya akan meningkatkan aliran perdagangan antara rantau dan pelaburan merentas sempadan. Ini juga akan menyumbang ke arah pengagihan modal yang lebih cekap, dan dengan itu meningkatkan prospek pertumbuhan yang saling memperkukuh antara rantau. Di samping itu, peluang yang lebih besar untuk menerbitkan tawaran pembiayaan juga akan memudahkan pempelbagaian risiko yang lebih luas. Untuk mencapai matlamat ini, usaha dan sumber ditumpukan pada pencapaian dua objektif umum:

- Pertama, untuk menjadi peneraju antarabangsa dalam originasi, terbitan dan perdagangan instrumen pasaran modal dan perbendaharaan Islam, perkhidmatan pengurusan dana dan kekayaan, perkhidmatan kewangan Islam luar pesisir, serta takaful dan takaful semula.
- Kedua, untuk menempatkan Malaysia pada kedudukan yang baik untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan, latihan, khidmat rundingan dan penyelidikan perbankan dan kewangan Islam. Ini bukan sekadar dapat menyediakan banyak pakar yang terlatih dan berkeupayaan tinggi untuk menerajui pembangunan masa depan, malah akan juga menggalakkan lagi inovasi produk dan perkhidmatan kewangan Islam.

Memandangkan kewangan Islam berfungsi selari dengan sistem kewangan konvensional dalam persekitaran kewangan kita, layanan neutral terhadap produk kewangan Islam dan konvensional penting bagi memastikan daya maju dan kemapanannya. Malahan, persekitaran yang kompetitif ini akan menggalakkan inovasi yang lebih luas, dan dengan itu menyokong pembangunan industri perkhidmatan kewangan Islam. Dengan infrastruktur kewangan Islam yang bertambah kukuh dan memberangsangkan, industri perkhidmatan kewangan Islam kini berada pada kedudukan yang baik untuk merebut peluang pertumbuhan baru bagi merealisasikan potensi sepenuhnya. Ini akan menghasilkan pasaran kewangan Islam yang makin meluas dan menyeluruh, malah lebih penting lagi, memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang menarik lagi dinamik.

Orientasi pengawalseliaan Bank Negara Malaysia dalam persekitaran yang berubah-ubah ini terus berkembang ke arah rejim yang lebih teguh dan fleksibel untuk mengekalkan kestabilan kewangan secara berkesan. Pengawalseliaan industri perkhidmatan kewangan dalam persekitaran yang berubah-ubah akan terus tertumpu pada memelihara sistem kewangan daripada risiko sistemik, memastikan perlindungan yang wajar terhadap pengguna dalam urusan perkhidmatan kewangan, dan meningkatkan kecekapan sistem kewangan. Selain itu, fungsi pengawalseliaan akan terus membantu pencapaian matlamat sosioekonomi, termasuk meningkatkan penembusan insurans, menggalakkan peruntukan yang mencukupi bagi keperluan persaraan dan menyokong pertumbuhan sektor sasaran.

Meskipun matlamat tersebut akan menyediakan asas dan hala tuju pengawalseliaan, disedari bahawa institusi kewangan sedang beroperasi dalam persekitaran yang telah berubah dengan ketara. Oleh itu, amalan pengawalseliaan telah mengalami perubahan yang nyata pada tahun-tahun kebelakangan ini bagi memastikan amalan itu terus sejajar dengan rasional yang mendasari pengawalseliaan. Khususnya, pendekatan Bank Negara Malaysia terhadap pengawalseliaan semakin bercirikan elemen berikut:

- fokus yang lebih tinggi terhadap, dan sejajar, dengan risiko;
- tindakan awal berdasarkan jangkaan, dan bukan tindakan yang berbentuk reaktif;
- penggunaan insentif yang lebih luas untuk menggalakkan perlakuan dan hasil keinstitusian yang dihasratkan; dan
- keselarasan dengan amalan terbaik antarabangsa.

Usaha juga ditumpukan ke arah pencapaian pengawalseliaan yang lebih seimbang dengan kos dan faedahnya. Ini telah menghasilkan pengembangan kaedah pengawalseliaan yang kini melangkaui peraturan preskriptif, tetapi menggunakan secara lebih menyeluruh semakan dan imbangan (check and balance) yang sedia ada dalam sistem, dan penggunaan insentif yang lebih luas untuk menggalakkan perlakuan dan hasil keinstitusian yang dikehendaki. Fokus yang lebih juga telah diberikan terhadap pengendalian pasaran dan penggemblengan kepenggunaan yang lebih aktif untuk memperteguh pengawalseliaan yang berhemat.

Untuk memperkukuh kesemua perubahan tersebut, Bank Negara Malaysia telah mengkaji semula struktur pengawalseliaan dalamannya secara holistik. Perubahan dalaman organisasi yang sedang dilaksanakan akan menghasilkan peralihan sepenuhnya daripada pendekatan semasa terhadap pengawalseliaan berasaskan sektor, kepada pendekatan yang akan menyepadukan pengawalseliaan terhadap institusi kewangan yang berbeza di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia berasaskan fungsian. Pada hakikatnya, jabatan-jabatan pengawalseliaan yang sedia ada akan diubah menjadi beberapa jabatan baru dengan tanggungjawab masing-masing, iaitu pembangunan sektor kewangan, dasar berhemat, perlindungan pengguna dan pengendalian pasaran, dan pengawasan kewangan merentas sektor perbankan dan insurans. Fungsi penyeliaan juga akan disepadukan bagi kumpulan perkhidmatan kewangan, yang merangkumi bank dan penanggung insurans di bawah kumpulan mereka.

Kami yakin perubahan organisasi ini akan menghasilkan tinjauan yang lebih komprehensif dan pendekatan yang bersepadu terhadap pembangunan sistem kewangan, di samping memudahkan pembezaan yang jelas antara matlamat pengawalseliaan berhemat dan kestabilan kewangan, dan matlamat pembangunan yang lebih umum. Perubahan tersebut juga akan meningkatkan fokus pengawalseliaan terhadap pengurusan risiko dalam sistem kewangan untuk menangani secara lebih efektif komponen asas risiko, iaitu risiko kredit, pasaran, operasi dan insurans. Bagi institusi yang dikawal selia, struktur baru ini juga bertujuan menggalakkan peningkatan kecekapan dan persaingan dalam sistem kewangan menerusi usaha:

- mengurangkan pertindanan dan penduaan pengawalseliaan dalam sistem;
- memelihara pendekatan pengawalseliaan yang neutral dari segi pengurusan risiko yang serupa, antara penyedia perkhidmatan kewangan yang berbeza; dan
- memastikan penggunaan sumber pengawalseliaan yang lebih cekap.

Bank Negara Malaysia akan memaklumkan perincian struktur baru ini kepada pemegang lesen pada bulan November dan Disember tahun ini. Peralihan yang lancar akan dipastikan untuk mengekalkan kesinambungan dalam inisiatif pengawalseliaan utama yang sedang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia. Selain itu, pengaturan yang jelas akan dibuat bagi urusan antara pemegang lesen dengan Bank Negara Malaysia semasa proses peralihan.

Di bawah landskap pengawalseliaan yang baru, hubungan antara Bank Negara Malaysia dengan entiti yang dikawal selia, dan dengan itu, pengharapan penyeliaan, akan berubah apabila rangka kerja berhemat berkembang ke arah pendekatan pengawalseliaan yang lebih berasaskan prinsip dan risiko. Penekanan yang lebih akan diberikan pada tadbir urus korporat, integriti dan ketelusan sebagai asas bagi peserta industri untuk mengekalkan keyakinan pelabur dan kepercayaan orang ramai. Dalam persekitaran ini, penanggung insurans, sama ada secara individu atau kolektif, dijangka memainkan peranan yang lebih besar dalam membangunkan standard pengendalian pasaran, merangsang amalan pasaran yang adil, dan meningkatkan celik kewangan dalam kalangan pengguna. Pada masa depan, penyahkawalseliaan selanjutnya boleh dijangka apabila disiplin pasaran semakin meningkat, dan penanggung insurans dan pengendali takaful berada pada kedudukan yang lebih baik untuk melaksanakan pengawalseliaan kendiri. Pendekatan pengawalseliaan yang dibeza-bezakan akan semakin diterima pakai, dan syarikat yang mengamalkan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko yang mantap akan diberi lebih fleksibiliti pengawalseliaan.

Selaras dengan produk dan perkhidmatan yang pelbagai dan kompleks, penting supaya amalan pengurusan risiko terus dipertingkatkan dengan penambahbaikan standard tadbir urus dan peningkatan sistem pengurusan maklumat. Dengan pelaksanaan rangka kerja modal berasaskan risiko, tanggungjawab mengurus risiko, dan memastikan tadbir urus pengendalian pasaran yang baik serta menilai risiko dan mengurus kedudukan kewangan sesebuah penanggung insurans akan semakin terletak pada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan penanggung insurans.

Perkara penting berhubung dengan fleksibiliti yang bertambah di bawah landskap pengawalseliaan yang baru ialah standard integriti dan etika yang tertinggi dalam industri. Sesungguhnya, asas insurans ialah sesuatu yang berlandaskan hubungan kepercayaan dan integriti. Malah, reputasi dan kepercayaan ialah aset bernilai bagi industri insurans dan takaful. Sebarang kelemahan dalam pengendalian pasaran akan memberikan implikasi yang besar terhadap perniagaan dan industri. Pemastian supaya urusan dengan pelanggan adalah adil dan saksama juga perlu diberi keutamaan. Dalam persekitaran industri yang menyediakan penyelesaian kewangan yang lebih inovatif dan kompleks, penanggung insurans dan pengendali takaful bertanggungjawab memastikan:

- pengguna mendapat maklumat yang mencukupi supaya mereka mampu membuat keputusan yang bijak;
- pengguna memahami ciri-ciri utama polisi, termasuk apa-apa pengecualian yang ketara, sebelum membuat sebarang pembelian;
- polisi yang dicadangkan bersesuaian dengan kehendak dan keperluan pengguna; dan
- tuntutan pengguna dilayan dengan segera dan adil.

Dalam persekitaran baru yang lebih menekankan disiplin pasaran, tadbir urus korporat yang lebih mantap, integriti, dan

ketelusan amat diperlukan. Standard integriti yang tinggi juga diperlukan dalam pengurusan sumber insan dan fizikal institusi. Dalam hal ini, kepimpinan sesebuah institusi perlu komited untuk menjunjung standard integriti tertinggi dalam mengendalikan modal insan dan sumber korporatnya, yang diurus bagi pihak pemegang saham dan pemegang polisi.

Pencapaian kejayaan dalam persekitaran persaingan yang semakin sengit akan bergantung pada kemampuan industri tempatan untuk menginovasi dan menyediakan tawaran yang bernilai lebih tinggi kepada pengguna. Ini menekankan pentingnya peserta industri membina kapasiti dalam penyelidikan dan pembangunan, dan merekayasa proses perniagaan untuk mencapai kecemerlangan operasi dan peningkatan penyampaian perkhidmatan pelanggan. Oleh itu, budaya kecemerlangan yang utuh adalah penting: sesuatu yang perlu menjadi pegangan semua peringkat dalam organisasi; dan sesuatu yang menggalakkan serta memberi ganjaran kepada inovasi dan kualiti perkhidmatan.

Individu berkemahiran tinggi semakin diperlukan untuk membolehkan mereka menghasilkan produk dan perkhidmatan nilai ditambah yang tinggi, menerima pakai amalan perniagaan yang maju, dan mempunyai kompetensi yang diperlukan untuk membina keyakinan dan kepercayaan pengguna. Oleh itu, penting bagi industri untuk terus melabur dalam modal intelek insan untuk mewujudkan kumpulan bakat, kemahiran dan kepakaran yang akan meningkatkan prestasi industri ini. Untuk mencapai hasrat ini, organisasi latihan khusus telah pun ditubuhkan. Ini termasuk Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) yang telah beroperasi selama tiga tahun, dan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) yang baru dilancarkan. Program latihan Institut Insurans Malaysia juga telah dikaji semula untuk memenuhi permintaan sektor kewangan yang kian berkembang.

Dalam kita menuju ke fasa terakhir Pelan Induk Sektor Kewangan dan landskap yang lebih kompetitif, kita memerlukan institusi kewangan teguh yang berdaya tahan, cekap dan berada pada kedudukan yang baik untuk memberi sumbangan kepada negara. Ini khususnya untuk mencapai sektor kewangan yang akan memudahkan dan menyokong pertumbuhan dan transformasi ekonomi yang mampan secara berkesan. Bagi melengkapkan usaha berterusan untuk membina kapasiti penanggung insurans domestik, Bank Negara Malaysia akan terus melaksanakan inisiatif strategik untuk mewujudkan landskap kewangan yang dihasratkan, yang lebih berupaya untuk menyumbang ke arah pencapaian matlamat sosioekonomi negara, dan lebih teguh untuk menghadapi tekanan persaingan dalam menyediakan produk dan perkhidmatan insurans.

Langkah penggabungan dan penggalakan pakatan strategik berpotensi memperkukuh kedudukan industri untuk bersaing secara lebih berkesan apabila pasaran menjadi semakin dinyahkawal selia dan liberal. Khususnya, dalam usaha menggalakkan pakatan strategik dalam industri, had pemegangan saham asing bagi entiti baru dalam penanggung insurans langsung telah dinaikkan daripada 30% kepada 49%. Ini bagi memanfaatkan potensi peserta asing yang kukuh dari segi kewangan dan reputasi mereka di peringkat antarabangsa. Ini juga akan menyumbang ke arah meningkatkan pembangunan keupayaan domestik, khususnya dalam bidang kepakaran teknikal, inovasi dan penambahbaikan proses operasi. Langkah ini juga akan menyediakan peluang tambahan kepada bakal rakan kongsi asing untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam industri tempatan melalui kepentingan ekuiti strategik dalam penanggung insurans berlesen yang sedia ada.

Bank Negara Malaysia juga akan mempertimbangkan untuk memperkenalkan caruman premium yang dibeza-bezakan kepada dana skim jaminan insurans

berdasarkan profil risiko sesebuah penanggung insurans sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan amalan pengurusan risiko yang baik dalam sistem kewangan. Langkah ini menyamai apa yang dilaksanakan untuk sistem insurans deposit sektor perbankan. Caruman premium yang dibeza-bezakan akan memberi insentif kepada penanggung insurans untuk memperkukuh amalan pengurusan risiko mereka supaya mendapat manfaat daripada caruman yang lebih rendah kepada skim pampasan insurans.

Saya berharap sesi perbincangan dalam dialog ini akan menghasilkan pemikiran yang lebih jelas tentang hala tuju strategi korporat dan respons pengawalseliaan bagi memastikan pembangunan industri insurans dan takaful yang kukuh.

KALENDAR PERISTIWA
Julai – September 2006

7 Julai 2006

Tiga jenis duit syiling peringatan telah dikeluarkan sempena jubli emas Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Duit syiling itu merupakan penghormatan kepada FELDA atas usahanya meningkatkan taraf hidup dan kualiti kehidupan para penerokanya, selain menghargai jasa pengasas FELDA, Perdana Menteri Malaysia yang Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak.

28 Julai 2006

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat kelimanya tahun ini memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.50%.

2 Ogos 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan pelantikan tiga orang lagi Penolong Gabenor, iaitu Dato' Mohd Nor bin Mashor, Puan Lillian Leong Bee Lian and Encik Gopala Krishnan Sundaram.

7 Ogos 2006

Majlis Pembangunan Kebangsaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (MPKPKS), yang sekretariatnya ialah Bank Negara Malaysia, mengeluarkan Laporan Tahunan PKS 2005 yang pertama. Laporan tersebut mengandungi maklumat tentang prestasi PKS, dan program utama Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan PKS. MPKPKS juga mengumumkan perumusan rangka kerja keinstitusian mikrokewangan yang komprehensif bagi memastikan akses kepada pembiayaan yang mencukupi dan berterusan bagi perusahaan mikro. Pembentukan Jawatankuasa Pemasaran PKS untuk memacu pemasaran produk PKS dalam pasaran global turut diumumkan.

8 Ogos 2006

Dalam ucapan semasa pelancaran Prudential BSN Takaful Berhad di Kuala Lumpur, Gabenor menyatakan perlunya institusi kewangan yang mempunyai kekuatan saling melengkapi untuk membentuk pakatan strategik dan berkembang menjadi peserta takaful bertaraf dunia. Industri takaful dijangka dapat mencapai kemajuan penting melalui pembangunan amalan terbaik antarabangsa bagi industri takaful oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB).

14-15 Ogos 2006

Pada Forum Penerbit dan Pelabur Kewangan Islam Malaysia 2006 di Kuala Lumpur, Gabenor mengumumkan pelancaran inisiatif Pusat Kewangan Antarabangsa Islam Malaysia (MIFC) untuk menempatkan Malaysia pada kedudukan yang baik sebagai sebuah hab kewangan Islam antarabangsa. Dengan disokong pengawal selia kewangan dan pasaran negara serta peserta industri, langkah dan insentif utama bagi MIFC termasuk:

- Kelulusan untuk menubuhkan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa dalam bank-bank Islam dan pengendali takaful di Malaysia, dengan tujuan mengendalikan perkhidmatan kewangan Islam dalam mata wang antarabangsa dan untuk mendapat manfaat daripada insentif cukai yang mungkin diperkenalkan;

- Lesen bersyarat baru di bawah Akta Bank Islam 1983 bagi institusi kewangan asing dan Malaysia yang layak, untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam dalam mata wang antarabangsa dan menikmati insentif cukai;

- Pendaftaran baru di bawah Akta Takaful 1984 kepada penanggung insurans asing dan Malaysia yang layak untuk menjalankan perniagaan dalam mata wang antarabangsa dan diberikan insentif cukai yang sama;

- Bank-bank Islam luar pesisir Labuan, dan bahagian Islam bank-bank luar pesisir dan pengendali takaful dibenarkan untuk membuka pejabat urusan di mana-mana tempat di Malaysia;

- Insentif untuk menarik tenaga mahir asing dan peserta pasaran terbaik ke MIFC untuk mendorong inovasi dan penawaran instrumen kewangan Islam yang menarik; dan

- Penubuhan Jawatankuasa Eksekutif MIFC untuk menyelaraskan pelaksanaan cadangan MIFC secara efisien.

Pada penutup Forum tersebut, Dato' Mohd Razif Abdul Kadir, Timbalan Gabenor, menekankan komitmen kukuh Kerajaan dan agensi pengawalseliaan untuk menerajui inisiatif MIFC, dan menekankan MIFC sebagai jenama global Malaysia.

22-23 Ogos 2006

Bank Negara Malaysia mengadakan dialog dengan penanggung insurans dan pengendali takaful untuk membincangkan isu seperti peralihan industri insurans dan takaful ke arah persekitaran pengawalseliaan dan operasi berasaskan risiko, dan pembangunan dwisistem kewangan yang mampan bagi insurans konvensional dan takaful di Malaysia. Dengan bertemakan "Berkedudukan Strategik dalam Persekitaran yang Semakin Berubah", dialog itu turut mengenal pasti peluang untuk saling melengkapi dan sinergi bersama untuk diraih antara pengendali takaful dengan penanggung insurans konvensional.

Pada majlis yang sama, Gabenor mengumumkan Bank Negara Malaysia sedang memulakan perubahan dalaman organisasi bertujuan menyepadukan pengawalseliaan institusi kewangan

yang berlainan, yang di bawah kawal selia Bank dengan mengikut fungsian. Perincian struktur baru ini akan dikeluarkan pada hujung tahun ini. Struktur baru ini bertujuan menggalakkan peningkatan kecekapan dan persaingan dalam sistem kewangan dengan:

- Meminimumkan pertindihan dan duplikasi pengawalseliaan dalam sistem;
- Memelihara pengawalseliaan yang neutral dalam pengurusan risiko yang sama antara penyedia perkhidmatan kewangan yang berlainan; dan
- Memastikan penggunaan sumber pengawalseliaan yang lebih efisien.

25 Ogos 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan penubuhan Anugerah Biasiswa Syariah dan Geran Penyelidikan Syariah, di bawah Dana Cendekiawan Syariah dalam Kewangan Islam, untuk menambah bilangan dalam kumpulan tenaga mahir, pengetahuan dan keupayaan penyelidikan dalam bidang Syariah berkaitan kewangan Islam.

Pada mesyuarat keenamnya, MPC memutuskan untuk mengekalkan OPR pada kadar 3.50%.

30 Ogos 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan ekonomi Malaysia bertambah kukuh pada suku kedua tahun 2006. Keluaran dalam negeri kasar benar berkembang 5.9%. Sektor swasta terus menjadi pemacu aktiviti ekonomi, dengan sektor perkhidmatan, perkilangan dan pertanian menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan.

14 September 2006

Bank Negara Malaysia mengeluarkan garis panduan yang menetapkan kriteria kelayakan dan skop perniagaan bagi penubuhan entiti baru dalam MIFC untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam dalam mata wang antarabangsa. Garis panduan ini dikeluarkan selepas pengumuman berkenaan MIFC pada bulan Ogos.

15 September 2006

Bank Negara Malaysia dan Banco Central de la República Argentina menjadi tuan rumah bersama bagi Mesyuarat Gabenor Bank-Bank Pusat Asia Tenggara dan Amerika Latin dan Caribbean yang diadakan buat pertama kalinya. Mesyuarat tersebut merupakan platform bagi bank pusat dari kedua-dua rantau itu bertukar-tukar pandangan tentang perkembangan penting yang memberikan kesan terhadap kepentingan ekonomi, monetari dan kewangan dalam ekonomi Asia dan Amerika Latin serta Caribbean. Mesyuarat juga membincangkan isu kepentingan bersama untuk menggalakkan kerjasama yang lebih baik dalam sektor ekonomi dan kewangan.

18 September 2006

Bank Negara Malaysia meluluskan dua lesen takaful semula yang pertama bagi Munich Re dan MNRB Holdings Berhad di bawah Akta Takaful 1984 untuk mengendalikan perniagaan takaful semula am dan keluarga dalam industri takaful domestik. Perkembangan ini akan menyediakan infrastruktur keinstitusian sokongan untuk industri takaful, dan juga mempromosikan Malaysia sebagai pusat perniagaan takaful semula mata dalam wang antarabangsa di bawah inisiatif MIFC.

26 September 2006

Pada mesyuarat ketujuhnya, MPC Bank Negara Malaysia mengumumkan keputusannya untuk mengekalkan OPR pada kadar 3.50%.

29 September 2006

Bank Negara Malaysia mengumumkan peluasan operasi Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) di lokasi tambahan, di cawangan Bank Negara Malaysia di Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuala Terengganu, Kuching dan Kota Kinabalu berkuat kuasa pada 2 Oktober 2006. Penubuhan pejabat serantau ini memperlihatkan usaha agensi yang berterusan bagi memastikan perkhidmatannya tersedia kepada golongan rakyat Malaysia yang lebih luas. AKPK memberikan khidmat nasihat, kaunseling dan bantuan kepada individu dalam bidang berkaitan kredit, pengurusan dan pendidikan kewangan di samping penstrukturan semula hutang, yang semuanya disediakan secara percuma.